05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

GAYA ASUHAN IBU BAPA, TINGKAH LAKU DEVIAN DAN PENGARUHNYA KE ATAS EFIKASI-KENDIRI MEMBUAT KEPUTUSAN KERJAYA

EMY NAZIRA BINTI EMBONG

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

DISERTASI INI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEHI IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN
(BIMBINGAN DAN KAUNSELING)
(MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS)

FAKULTI PEMBANGUNAN MANUSIA
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2020

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY

Sila tanda (√)
Kertas Projek
Sarjana Penyelidikan
Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus
Doktor Falsafah

√

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada ……(hari bulan)…….. (bulan) 20……..

i. Perakuan pelajar :

Saya, **EMY NAZIRA BINTI EMBONG, M20142002078 (FAKULTI PEMBANGUNAN MANUSIA)** mengaku bahawa disertasi yang bertajuk **GAYA ASUHAN IBU BAPA, TINGKAH LAKU DEVIAN DAN PENGARUHNYA KE ATAS EFIKASI-KENDIRI MEMBUAT KEPUTUSAN KERJAYA** adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

_____

Tandatangan pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, **PROF. MADYA DR. MUHAMMAD BAZLAN BIN MUSTAFA** dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk **GAYA ASUHAN IBU BAPA, TINGKAH LAKU DEVIAN DAN PENGARUHNYA KE ATAS EFIKASI-KENDIRI MEMBUAT KEPUTUSAN KERJAYA** dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh **IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN (BIMBINGAN DAN KAUNSELING).**

_____ _____

Tarikh Tandatangan Penyelia

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES

BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM

Tajuk / *Title*: **GAYA ASUHAN IBU BAPA, TINGKAH LAKU DEVIAN DAN PENGARUHNYA KE ATAS EFIKASI KENDIRI MEMBUAT KEPUTUSAN KERJAYA**

No. Matrik /*Matric No.*: **M20142002078**

Saya / *I* : **EMY NAZIRA BINTI EMBONG**

(Nama pelajar / *Student's Name*)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-
acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
   The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.
   Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
   The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Sila tandakan (√) bagi pilihan kategori di bawah */ Please tick (√) from the categories below:-*

☐	**SULIT/*CONFIDENTIAL***	Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / *Contains confidential information under the Official Secret Act 1972*
☐	**TERHAD/*RESTRICTED***	Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / *Contains restricted information as specified by the organization where research was done.*
☐	**TIDAK TERHAD / *OPEN ACCESS***	

_____ (Tandatangan Pelajar/ Signature)

_____ (Tandatangan Penyelia / *Signature of Supervisor*) & (Nama & Cop Rasmi / *Name & Official Stamp*)

Tarikh: _____

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT** @ **TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.

Notes: If the thesis is CONFIDENTAL or RESTRICTED, please attach with the letter from the related authority/organization mentioning the period of confidentiality and reasons for the said confidentiality or restriction.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

PENGHARGAAN

Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang ...

Alhamdulillah syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan limpah kurniaNya, penyelidikan dan penulisan ini dapat disiapkan. Terlebih dahulu saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih yang tidak terhingga kepada Prof Madya Dr.Muhammad Bazlan Bin Mustafa selaku penyelia yang telah memberikan semangat, tunjuk ajar, keprihatinan, bimbingan dan panduan sepanjang proses penulisan ini dijalankan. Harus juga diakui, jika bukan kerana keprihatinan dan semangat yang diberikan mungkin sahaja kajian ini tidak sampai ke titik noktah yang terakhir. Segala ilmu yang telah dicurahkan ini amat bermakna dan bernilai kepada saya untuk meneruskan perjuangan saya dalam melaksanakan penyelidikan pada masa hadapan. Terima kasih juga buat semua pensyarah yang memberi tunjuk ajar sepanjang pengajian ini. Semoga segala ilmu yang dicurahkan mendapat ganjaran pahala di sisi Allah SWT..

Sejuta penghargaan dan ucapan terima kasih juga kepada suami tercinta Aminuddin bin Mohamed yang sering menjadi tempat meluahkan segala kekusutan fikiran dan perasaan sepanjang kajian ini dilakukan hingga akhirnya kini kita bersama telah temui penghujung pengajian sarjana.

Juga buat bonda yang amat dikasihi Pn. Siti Noridah binti Abdul Razak dan keluarga 244 yang menjadi pembakar semangat untuk tetap meneruskan pengajian dan kajian ini hingga ke tempoh maksimum pengajian.

Turut tidak dilupakan sahabat seperjuangan saudari Nur Adilah binti Ramli dan saudari Wan Nor Izzati binti Wan Mohd Din, yang pernah susah dan senang bersama dalam menempuh pelbagai cabaran dan dugaan sepanjang tempoh meneruskan pengajian dan kajian ini. Segala susah senang serta beban perasaan yang ditanggung dahulu, kini telah sampai ke penghujungnya.

Teristimewa dan paling penting, penghargaan buat diri sendiri yang tetap bangun dan teruskan melangkah walau seribu kali jatuh dan rebah!

Akhir sekali terima kasih kepada semua kaunselor daerah Maran yang banyak membantu dan semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung. Terima kasih kepada pihak Universiti Pendidikan Sultan Idris tempat saya menimba ilmu. Semoga Allah memberkati kita semua. Alhamdulillah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan mengukur pengaruh jenis gaya asuhan ibu bapa dan tingkah laku devian ke atas efikasi kendiri membuat keputusan kerjaya dalam kalangan murid tingkatan empat di Daerah Maran, Pahang. Daeran Maran dipilih sebagai lokasi kajian kerana kebanyakan sekolah terletak di kawasan pinggir bandar dan FELDA yang terdedah dengan cabaran pengaruh gejala sosial. Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif dengan reka bentuk kajian tinjauan. Kajian ini telah dijalankan di tujuh buah sekolah menengah harian dengan melibatkan responden seramai 283 orang murid yang dipilih melalui kaedah persampelan rawak mudah dalam kalangan sembilan buah sekolah tanpa asrama disekitar daerah Maran yang merupakan sekolah luar bandar. Instrument kajian yang digunakan adalah *Paulson's Perception of Parenting Scale* yang dibangunkan oleh Paulson, *Delinquency Scale* oleh Junger serta *Career Decision Self-Efficacy Scale – Short Form* (CDSE-SF) oleh Betz et. al. Berdasarkan keputusan kajian, terdapat tiga gaya yang diamalkan oleh ibu bapa iaitu gaya asuhan autoritarian, autoritatif dan permisif, namun begitu gaya asuhan yang paling biasa diamalkan adalah autoritatif. Keputusan analisis regresi pelbagai pula menunjukkan peramal utama dan tertinggi bagi efikasi-kendiri membuat keputusan kerjaya dalam kalangan murid ialah gaya asuhan autoritatif (ß = .585) dan sumbangannya sebanyak 34.2%. Kesimpulannya, mengamalkan gaya asuhan jenis autoritatif akan mempengaruhi efikasi kendiri membuat keputusan kerjaya manakala tingkah laku devian pula dilihat tidak mempengaruhi efikasi kendiri membuat keputusan kerjaya. Implikasi kajian ini ialah menyedarkan ibu bapa bahawa pentingnya gaya asuhan autoritatif dalam membantu anak mereka untuk membuat keputusan kerjaya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

PARENTING STYLES, DEVIANT BEHAVIOR AND ITS INFLUENCE ON CAREER DECISION MAKING SELF-EFFICACY

ABSTRACT

The study aimed to identify the type of parenting style, level of deviant behaviour and its influence on career decision making self-efficacy among form four students in Maran district, Pahang. Maran was chosen as a study location as most of the schools were located in suburban areas and FELDA exposed to the challenges of social symptoms. This study utilised a quantitative approach. The study was carried out in seven daily secondary schools with a respondent of 283 students elected by a simple random sampling method among the nine schools without a hostel around Maran district which was the Rural schools. The study instruments used were Paul's Perception of Parenting Scale, developed by Paulson, Delinquency Scale by Junger as well as Career deserves Self-Efficacy Scale – Short Form (CDSE-SF) by Betz et. Al. Based on the results of the study there are three styles practiced by parents, namely the autoritarian, authoritative and permissive. It was found that the most common type of parenting's style was authoritative. The results of various regression analysis showed the major and high predictors of self-making career decisions among the students are authoritative (ß =. 585) and its contributions at 34.2%. In conclusion, practicing the authoritative type of parenting style will affect the career decision making self-efficacy while the deviant behavior is seen not to effect career decisions making self-efficacy. The implications of this study are to enlighten parents that the importance of authoritative parenting style in helping their child to make career decisions making self-efficacy.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

KANDUNGAN

Muka Surat

PENGAKUAN ii

PENGHARGAAN iii

ABSTRAK iv

ABSTRACT v

ISI KANDUNGAN vi

SENARAI JADUAL xiii

SENARAI RAJAH xv

SENARAI SINGKATAN xvi

SENARAI LAMPIRAN xviii

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 1 PENGENALAN

1.1 Pendahuluan 1

1.2 Latar Belakang Kajian 2

1.3 Penyataan Masalah 12

1.4 Persoalan Kajian 17

1.5 Objektif Kajian 18

1.6 Definisi Konsep dan Operasional 20

1.6.1 Definisi Konsep Gaya Asuhan Ibu Bapa 20

a) Gaya Asuhan Ibu Bapa Permisif 21

b) Gaya Asuhan Ibu Bapa Autoritarian 22

c) Gaya Asuhan Ibu Bapa Autoritatif 22

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.6.2 Definisi Operasional Gaya Asuhan Ibu Bapa 23

1.6.3 Definisi Konsep Tingkah Laku Devian 23

1.6.4 Definisi Operasional Tingkah Laku Devian 25

1.6.5 Definisi Konsep Efikasi Kendiri Membuat Keputusan Kerjaya 25

1.6.6 Definisi Operasional Efikasi Kendiri Membuat Keputusan Kerjaya 27

1.7 Kerangka Kajian 27

1.8 Kepentingan Kajian 29

1.9 Pendekatan Teori 30

1.9.1 Teori Gaya Asuhan Ibu Bapa : 32

i) Teori Gaya Asuhan Ibu Bapa Baumrind (1991) 32

1.9.2 Teori Tingkah Laku Devian : 34

i) Teori Ajukan Sosial (Moffitt, 1993) 34

ii) Teori Psikososial (Erikson, 1963) 36

1.9.3 Teori Efikasi Kendiri Membuat Keputusan Kerjaya : 38

i) Teori Kerjaya Kognitif Sosial, (Bandura ,1986) 38

ii) Teori Pemilihan Kerjaya (Anne Roe, 1957) 42

1.10 Hipotesis Kajian 49

1.11 Limitasi Kajian 51

1. 12 Rumusan 52

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1 Pendahuluan 53

2.2 Kajian Lepas 54

2.2.1 Gaya Asuhan Ibu bapa dan Efikasi Kendiri Membuat Keputusan Kerjaya 54

2.2.2 Tingkah laku Devian Remaja dan Efikasi Kendiri Membuat Keputusan Kerjaya 60

2.2.3 Gaya Asuhan Ibu Bapa dan Tingkah Laku Devian Remaja serta Pengaruh ke atas Efikasi Kendiri Membuat Keputusan Kerjaya 64

2.2.4 Gaya Asuhan Ibu bapa dan Tingkah Laku Devian Remaja 67

2.3 Rumusan 72

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 3 METODOLOGI

3.1 Pendahuluan 75

3.2 Reka Bentuk Kajian 76

3.3 Tempat Kajian 77

3.4 Kaedah Persampelan 79

3.4.1 Populasi Kajian 79

3.4.2 Sampel Kajian 80

3.5 Instrumen Kajian 81

3.5.1 Bahagian A: (Latar Belakang Responden dan Keluarga) 82

3.5.2 Bahagian B: Soal Selidik Corak Gaya Asuhan Ibu Bapa Terhadap Remaja (permisif, autoritarian, autoritatif) 82

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.5.3 Bahagian C: Soal Selidik Kekerapan Tingkah Laku Devian Remaja 83

3.5.4 Bahagian D: *Career Decision Self Efficacy Scale – Short Form (CDSE-SF)* 84

3.6 Kaedah Pemarkatan 86

3.6.1 Kaedah Pemarkatan Soal Selidik Corak Gaya Asuhan Ibu Bapa Terhadap Remaja 86

3.6.2 Kaedah Pemarkatan Soal Selidik Kekerapan Tingkahlaku Devian Remaja 90

3.6.3 Kaedah Pemarkatan Soal selidik Career Decision Self-Efficacy Scale – Short Form (CDSE-SF) 91

3.7 Interpretasi Jadual 93

3.8 Kesahan Alat Ukuran 93

3.9 Kebolehpercayaan Alat Ukuran 95

3. 10 Prosedur Kajian 96

3. 11 Analisis Data 97

3. 12 Rumusan 99

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1 Pendahuluan 100

4.2 Ujian Normaliti 101

4.3 Analisis Deskriptif 102

4.3.1 Profil Responden 102

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.3.2 Mengenalpasti jenis gaya asuhan autoritarian, autoritatif dan permisif ibu bapa dalam kalangan pelajar sekolah menengah 104

4.3.3 Mengenalpasti tahap tingkah laku devian dalam kalangan pelajar sekolah menengah 108

4.3.4 Mengenalpasti tahap efikasi kendiri membuat keputusan kerjaya dalam kalangan pelajar sekolah menengah 110

4.4 Analisis Statistik Inferensi 114

Ujian t

4.4.1 Perbezaan antara jenis gaya asuhan, tahap tingkaah laku devian dan tahap efikasi kendiri membuat keputusan kerjaya berdasarkan jantina 115

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Hubungan antara pembolehubah kajian

4.4.2 Hubungan antara gaya asuhan ibu bapa autoritarian, autoritatif dan permisif dengan efikasi kendiri membuat keputusan kerjaya dalam kalangan pelajar sekolah menengah 119

4.4.3 Hubungan antara gaya asuhan ibu bapa autoritarian, autoritatif dan permisif dengan tingkah laku devian pelajar sekolah menengah 120

4.4.4 Hubungan antara tingkah laku devian dengan efikasi kendiri membuat keputusan kerjaya dalam kalangan pelajar sekolah menengah 121

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Analisis Regresi

4.4.5 Pengaruh gaya asuhan ibu bapa autoritarian, autoritatif dan permisif , tingkah laku devian ke atas efikasi kendiri membuat keputusan kerjaya dalam kalangan pelajar sekolah menengah 122

4.5 Rumusan 125

BAB 5 PERBINCANGAN, CADANGAN DAN KESIMPULAN

5.1 Pendahuluan 127

5.2 Ringkasan Kajian 128

5.3 Perbincangan 130

5.3.1 Perbezaan gaya asuhan ibubapa, tingkahlaku devian dan efikasi kendiri membuat keputusan kerjaya dengan jantina 130

5.3.2 Hubungan gaya asuhan ibu bapa dengan efikasi kendiri membuat keputusan kerjaya 132

5.3.3 Hubungan antara gaya asuhan ibu bapa dengan tingkah laku devian 133

5.3.4 Hubungan antara tingkah laku devian dengan Efikasi Kendiri Membuat Keputusan Kerjaya 135

5.3.5 Pengaruh gaya asuhan ibu bapa, tingkah laku devian dengan efikasi kendiri membuat keputusan kerjaya 136

5.4 Kesimpulan 137

5.5 Implikasi Kajian 138

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.5.1 Kaunselor 138

5.5.2 Ibu Bapa 139

5.5.3 Kementerian Pendidikan Malaysia 139

5.6 Cadangan 140

5.7 Rumusan 141

RUJUKAN 142

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

SENARAI JADUAL

No. Jadual		Muka Surat
3.1	Senarai sekolah-sekolah menengah sekitar Daerah Maran	78
3.2	Persampelan Kajian	81
3.3	Pembahagian Item Berdasarkan Corak Gaya Asuhan Ibu Bapa	83
3.4	Pembahagian Item Berdasarkan Kekerapan Tingkah Laku Devian	84
3.5	Pembahagian Item berdasarkan kecekapan kerjaya Cites's (1978)	85
3.6	Pembahagian Markat Gaya Asuhan Ibu Bapa: Jenis Autoritarian	86
3.7	Pembahagian Markat Gaya Asuhan Ibu Bapa: Jenis Autoritatif	88
3.8	Pembahagian Markat Gaya Asuhan Ibu Bapa: Jenis Permisif	89
3.9	Pembahagian Markat Tahap Tingkahlaku Devian Remaja	90
3.10	Pembahagian Markah Efikasi Kendiri Membuat Keputusan Kerjaya	92
3.11	*Guilford's Rule of Thumbs*	93
3.12	Nilai Kebolehpercayaan Alat Ukuran	96
3.13	Jadual Ringkasan Analisis Diskriptif Pengujian Statistik Berdasarkan Objektif Kajian	98
3.14	Jadual Ringkasan Analisis Inferensi Pengujian Statistik Berdasarkan Objektif Kajian	98
4.1	Ujian Normaliti	101
4.2	Taburan Mengikut Jantina	103

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.3	Taburan Mengikut Status Tinggal Bersama	104
4.4	Tahap Gaya Asuhan Autoritarian	105
4.5	Tahap Gaya Asuhan Autoritatif	106
4.6	Tahap Gaya Asuhan Permisif	108
4.7	Tahap Tingkah Laku Devian Remaja	110
4.8	Tahap Efikasi Kendiri Membuat keputusan Kerjaya	114
4.9	Perbandingan skor min jenis gaya asuhan ibu bapa, tahap tingkah laku devian dan tahap efiksi kendiri membuat keputusan kerjaya mengikut jantina	116
4.10	Korelasi antara gaya asuhan ibu bapa autoritarian, autoritatif dan permisif dengan efikasi kendiri membuat keputusan kerjaya	119
4.11	Korelasi antara gaya asuhan ibu bapa autoritarian, autoritatif dan permisif dengan tingkah laku devian	121
4.12	Korelasi antara tingkah laku devian dengan efikasi kendiri membuat keputusan kerjaya	122
4.13	Analisis Regresi Berganda (Stepwise) bagi pembolehubah bebas yang mempengaruhi efikasi-kendiri dalam membuat keputusan kerjaya dalam kalangan pelajar	123
4.14	Analisis Varians	123

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

SENARAI RAJAH

Rajah		Muka Surat
1.1	Kerangka Kajian	28
1.2	Kerangka Teori	31

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

SENARAI SINGKATAN

AMS-C	*The Academic Motivation Scale–College Version*
ANOVA	*Analisys Varians*
CDMSE	Career Decision-Making Self-Efficacy
CMI-AS	Inventori Kematangan Kerjaya – Ujian Skala Sikap Borang A-2
CDSE-SF	*Career Decision Self-Efficacy Scale-short form*
CDSE	*Career Decision Self- Efficacy*
CRPBI	*Children Report of Parental Behavior Inventory*
FAD	*Family Assessment Device (FAD*
GPA	Purata Nilai Gred
IPT	Institut Pengajian Tinggi
J	Jarang
K	Kerap kali
KK	Kadang kadang
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
KPT	Kementerian Pengajian Tinggi
KS	Kurang Setuju
PAAS	*The Parental Aspect Questionnaires*
PBI	*Parental Behaviour Inventory*
PT3	Pentaksiran Tingkatakan Tiga
UPM	Universiti Putra Malaysia
S	Setuju

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

S	Selalu
SDS-E	Self Directed Search Form Easy
SESS	*The Self Efficacy and Study Skills Questionnaire*
SMK	Sekolah Menengah Kebangsaan
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
SPSS	Statistical Package for the Social Science
ST	Sangat Setuju
STS	Sangat Tidak Setuju
TP	Tidak Pernah
TPAS	*Teenagers Personality Questionnaires*
TS	Tidak Setuju
PAQ	Soal Selidik Gaya Keibubapaan / Parental Authority Questionnaire

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi
05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

SENARAI LAMPIRAN

A Soal Selidik yang Diedarkan

B Surat Kebenaran Menjalankan Kajian di Sekolah-sekolah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBa

BAB 1

PENGENALAN

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.1 Pendahuluan

Bab ini merangkumi perihal asas kajian. Turut dibincangkan di dalam bab ini juga adalah limitasi kajian, hipotesis kajian dan rumusan kajian berdasarkan tajuk kajian iaitu gaya asuhan ibu bapa, tingkah laku devian dan pengaruhnya ke atas efikasi-kendiri membuat keputusan kerjaya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.2 Latar Belakang Kajian

Kerjaya merupakan satu perkara yang sangat penting dalam kehidupan setiap individu dan merupakan proses yang perlu dirancang sejak dari peringkat sekolah serta sangat berkait rapat dengan minat dan tingkah laku peribadi seseorang. Disamping itu, kerjaya juga dapat dikaitkan dengan kecenderungan seseorang berdasarkan pemerhatiannya terhadap persekitaran sehingga tercetusnya minat untuk memilih sesuatu pekerjaan sebagai sebuah kerjaya idaman.

Kerjaya juga boleh dikatakan sebagai pekerjaan yang akan mempengaruhi kehidupan harian seseorang individu (Zunker, 2006). Oleh yang demikian, seseorang individu mempunyai hak untuk menentukan pilihan kerjaya yang ingin diceburi kerana ianya akan mempengaruhi kehidupan seseorang sepanjang hayatnya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam isu pemilihan kerjaya, ianya bukanlah satu perkara yang mudah untuk dilakukan malah melibatkan banyak faktor dalam menentukan pemilihan kerjaya yang sesuai. Antara faktor yang berkait rapat dengan pemilihan kerjaya adalah efikasi kendiri membuat keputusan kerjaya itu sendiri.

Efikasi kendiri membuat keputusan kerjaya bermaksud kesediaan meneroka persekitaran dan keupayaan dalam meneroka tingkah laku dan ini terangkum dalam sistem kepercayaan seseorang untuk membuat keputusan kerjaya dengan baik. Efikasi kendiri yang tinggi pada seseorang individu akan membantu memudahkan individu tersebut untuk membuat keputusan kerjaya (Wolfe dan Betz, 2004).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Menurut Bandura (1986), turut menyatakan bahawa efikasi kendiri akan memberi impak terhadap keupayaan dalam membuat sesuatu pekerjaan agar dilakukan dengan kesungguhan dan komitmen yang tinggi. Oleh hal yang demikian, pencapaian yang cemerlang dalam pekerjaan mempunyai hubungan dengan kadar efikasi kendiri yang tinggi.

Beberapa kajian lepas telah dilakukan oleh pengkaji sebelum ini untuk melihat tahap efikasi kendiri membuat keputusan kerjaya. Misalnya kajian yang mengkaji faktor gender dan hubungannya dengan tahap efikasi kendiri membuat keputusan kerjaya yang dilakukan oleh Mohd Sani, Siti Salina dan Syed Mohamad (2018) serta Paulsen dan Betz (2004). Kajian Mohd Sani. et.al (2018) membuktikan bahawa terdapat perbezaan signifikan berdasarkan gender dan efikasi kendiri membuat keputusan kerjaya murid berada ditahap sederhana. Berdasarkan kajian ini, pengkaji membuat kesimpulan bahawa terdapat perbezaan tahap efikasi kendiri membuat keputusan kerjaya berdasarkan gender.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Manakala kajian Paulsen dan Betz, (2004) yang bertajuk jangkaan asas keyakinan efikasi kendiri membuat keputusan kerjaya. Kajian ini melibatkan 627 orang murid universiti. Dalam kajian ini enam pemboleh ubah keyakinan menyumbang 49% varians efikasi kendiri membuat keputusan kerjaya. Keyakinan memimpin adalah yang paling penting, tetapi keyakinan dalam sains, matematik, penulisan, penggunaan teknologi dan kepekaan terhadap persekitaran juga menyumbang peningkatan varians.

Selain dari itu, faktor gaya asuhan ibu bapa juga sangat berkait rapat dalam membentuk efikasi kendiri membuat keputusan kerjaya. Meninjau maksud gaya asuhan ibu bapa dalam kajian ini bermaksud tingkah laku ibu bapa yang ditonjolkan ketika mendidik atau mengasuh anak-anak. Gaya asuhan ibu bapa boleh dibahagikan kepada tiga jenis iaitu permisif,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

autoritarian dan autoritatif. Seharusnya ibu bapa perlu bijak dalam membuat pemilihan gaya didikan yang dirasakan paling sesuai untuk diaplikasikan dan tidak hanya menggunakan satu gaya asuhan sahaja sesuai dengan perkembangan dan keperluan dalam membentuk anak-anak (Azizi dan Mohd Sofie 2010).

Antara kajian lepas yang mengaitkan gaya asuhan ibu bapa adalah kajian berkaitan faktor gaya asuhan ibu bapa dengan pemilihan kerjaya. Kajian ini telah dilakukan oleh Noor Izzaty, Muhamad Ariff dan Siti Fardaniah (2017) dengan sampel kajian terdiri daripada murid tahun pertama Universiti Putra Malaysia (UPM). Hasil kajian ini menunjukkan bahawa tidak terdapat hubungan antara faktor gaya asuhan ibu bapa dengan pemilihan kerjaya murid.

Selain dari itu, satu kajian lepas mengenai hubungan antara efikasi kendiri dengan gaya asuhan ibu bapa juga telah dilakukan oleh Nessai, Rastegar, Rajaei dan Khoynejad (2015). Hasil kajian ini menunjukkan bahawa gaya keibubapaan dan efikasi kendiri mempunyai hubungan yang signifikan. Namun, gaya keibubapaan permisif dan autoritatif tidak mempunyai hubungan yang signifikan dengan efikasi kendiri.

Dalam pada itu, selain daripada pengaruh gaya asuhan ibu bapa yang dilihat memberi impak dalam pembentukan efikasi kendiri individu, faktor tingkah laku individu itu sendiri juga merupakan faktor penting yang memberi pengaruh besar. Satu kajian telah dilakukan oleh Suresh (2011) mendapati bahawa sikap dan tingkah laku devian menyebabkan kurangnya minat murid terhadap pendidikan dan seterusnya mengakibatkan mereka tidak mengambil peluang menuntut ilmu dengan baik disekolah. Oleh yang demikian, dapat dikatakan bahawa tingkah laku devian turut akan mempengaruhi efikasi kendiri membuat keputusan kerjaya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam memahami istilah tingkah laku devian, Azizi dan Mohd Sofie (2010) menyatakan bahawa tingkah laku devian bermaksud tingkah laku yang menyalahi atau bertentangan dengan kebiasaan masyarakat setempat. Tingkah laku devian boleh dibahagikan kepada empat jenis menurut Merton (1983) dalam Badrulzaman (2006). Empat jenis tingkah laku devian yang dimaksudkan adalah ritual (mengulang perbuatan), inovasi (perbuatan yang dilakukan untuk mencapai matlamat namun dengan cara menyalahi norma), undur (individu sudah tidak berminat mencapai impiannya lalu memilih alternatif lain yang salah) dan seterusnya menentang (tidak lagi berminat dengan matlamat persekolahan dan menggantikannya dengan perbuatan yang lain).

Olwage (2012) telah menjalankan satu kajian yang mengenai jangkaan keciciran dan penglibatan dalam kalangan murid universiti. Kajian menunjukkan murid yang mempunyai efikasi kendiri membuat keputusan kerjaya yang baik serta mempunyai sokongan persekitaran yang baik dan membantu terutama dari ibu bapa dapat mengurangkan risiko bertingkah laku devian yang mana antara tingkah laku devian adalah ponteng sekolah atau berhenti sekolah.

Satu kajian telah dijalankan oleh Zairoslawanee (2014) yang bertujuan mengkaji faktor pemilihan kerjaya. Kajian ini dilakukan dengan mengambil murid tingkatan enam di sekolah kluster sebagai sampel kajian. Hasil kajian mendapati bahawa minat merupakan faktor paling penting dalam memilih kerjaya. Berdasarkan kajian ini, dapat difikirkan seandainya murid sekolah kluster yang bermaksud murid cemerlang menjadikan faktor minat sebagai faktor utama pemilihan kerjaya, bagaimana pula dengan murid bertingkah laku devian dalam aspek efikasi kendiri membuat keputusan kerjaya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Berdasarkan huraian yang telah dinyatakan diatas, kajian ini bertujuan mengkaji efikasi kendiri membuat keputusan kerjaya murid sama ada dipengaruhi oleh faktor jenis gaya asuhan ibu bapa dan kekerapan tingkah laku devian atau tidak. Terdapat beberapa kajian yang mengaitkan pemboleh ubah bersandar iaitu efikasi kendiri membuat keputusan kerjaya dan tidak bersandar iaitu jenis gaya asuhan ibu bapa dan tingkah laku devian yang telah dilakukan oleh pengkaji sebelum ini. Namun masih kurang kajian yang mengaitkan antara ketiga-tiga pemboleh ubah.

Dalam satu kajian yang mengkaji hubungan antara enam tingkah laku remaja berisiko dan gaya asuhan ibu bapa (Newman et al.,2008 dalam Hamidah, 2013) mendapati bahawa gaya asuhan autoritatif menjadikan remaja mempunyai hubungan yang utuh dengan ibu bapa dan rendah kadar untuk bertingkah laku devian. Manakala dalam satu kajian lain yang dilakukan oleh Badrulzaman (2006) pula mendapati, bahawa terdapat hubungan signifikan antara tingkah laku devian remaja dengan tingkah laku ibu bapa.

Memikirkan masa depan golongan remaja yang bermula dari peringkat sekolah lagi, maka membuat keputusan kerjaya merupakan isu besar dan penting untuk dititik beratkan sejak dibangku sekolah dan pelbagai faktor perlu diambil kira termasuk menyediakan persekitaran yang baik bagi membentuk remaja yang mempunyai hala tuju yang jelas. Jika perancangan kerjaya dibuat dengan baik maka tidak akan berlaku situasi murid mengambil subjek aliran yang berbeza dengan minat kerjaya (Rohany, 2008).

Terdapat beberapa pilihan yang ada ketika di tingkatan empat sama ada aliran sains atau sastera atau mungkin juga murid boleh memilih untuk berada di sekolah menengah kebangsaan agama atau asrama penuh atau ke kolej vokasional dan teknik selepas tamat

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pentaksiran Tingkatan Tiga (PT3). Pilihan yang ada ini mungkin menyukarkan murid dalam membuat keputusan dan memberi dilema kepada mereka. Walaupun PT3 dianggap tidak sepenting Sijil Muridan Malaysia (SPM) namun keputusan PT3 menentukan aliran yang bakal diambil untuk menduduki SPM dan seterusnya memberi impak pemilihan universiti dan kerjaya kelak.

Oleh yang demikian, isu pemilihan kerjaya merupakan proses dan isu yang kompleks untuk dibincangkan kerana berkait dengan pelbagai faktor. Tidak dapat dinafikan banyak pekerjaan yang ditawarkan dan boleh diceburi. Namun memandangkan remaja mempunyai maklumat dan pengetahuan yang sedikit berkaitan dengan kerjaya, maka remaja sememangnya memerlukan bantuan, motivasi dan bimbingan agar mampu membuat pemilihan kerjaya yang terpat (Yussof, Ismail dan Sidin, 2008).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Walaubagaimanapun, timbul isu apabila murid sekolah menengah tidak tahu atau tidak faham bagaimana proses pemilihan kerjaya itu dibuat. Malah terdapat murid universiti dilihat memilih program yang salah kerana kurang bimbingan di sekolah. Oleh yang demikian, anak-anak remaja memerlukan bantuan dalam melihat keperluan pasaran kerja maju empat tahun akan datang dan ini menyebabkan pemilihan bidang pengajian menjadi kebiasaannya dipengaruhi oleh faktor ibu bapa. Walau bagaimanapun, dalam masa yang sama institut pengajian tinggi (IPT) perlu memastikan program pengajian yang ditawarkan sentiasa dikemaskini, disemak dan ditambah baik serta mempunyai nilai tambah agar selari dengan perubahan permintaan pasaran kerjaya dunia dan seterusnya membantu meningkatkan kebolehpasaran graduan dalam bidang masing-masing.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Melihat kepada masalah pengangguran dalam kalangan siswazah selepas tamat pengajian memberi gambaran bahawa anak-anak remaja perlu diberi pendedahan sedari awal dalam mendepani cabaran kerjaya lebih-lebih lagi kerajaan kini sedang sibuk memperkatakan mengenai revolusi perindustrian ke-4 yang bakal memperlihatkan lebih banyak perubahan dalam aspek bidang kerjaya.

Dalam aspek pemilihan kerjaya, individu sebenarnya turut dipengaruhi oleh pengalaman zaman kanak-kanak hasil dari suasana persekitaran yang dibentuk oleh ibu bapa hingga terhasilnya tenaga psikik secara langsung atau tidak langsung dan seterusnya memberi kepuasan atau kekecewaan pada individu tersebut (Anne Roe dan Sigelman, 1964 dalam Mohd Rizuan, 2013).

Dalam situasi sebegitu, hubungan kekeluargaan dilihat sangat penting dan merupakan asas terhadap perkembangan tingkah laku. Dalam pembentukan personaliti, institusi keluarga berperanan membentuk nilai individu sedari kecil dan akan terus memberi impak besar dan pengaruh terhadap corak pemikiran, sikap dan tingkah laku hingga dewasa (Hoffman, 1996). Berdasarkan kajian terdahulu dalam dan luar negara menunjukkan bahawa institusi kekeluargaan yang sejahtera mampu meningkatkan pencapaian akademik, kesejahteraan tingkah laku seks, meningkatkan konsep kendiri dan seterusnya memberi kepuasan hidup (Fatanah, 1997).

Mengikut Darussalam Budin (Berita Harian, 2015), sudah menjadi kebiasaan pesalah yang menjalani hukuman di Sekolah Henry Gurney hadir dari kelompok keluarga yang bermasalah serta ada yang ibu bapa sudah bercerai disamping mereka turut mempunyai rekod pencapaian akademik yang teruk. Hal ini turut menjadi indikasi bahawa remaja yang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

mempunyai masalah keluarga serta masalah tingkah laku turut memberi impak kepada tahap efikasi kendiri membuat keputusan kerjaya.

Kegagalan institusi keluarga memantau perkembangan sikap remaja dan membimbing mereka akan meningkatkan bilangan golongan remaja yang terjerumus dalam pelbagai masalah sosial yang seterusnya memberi impak buruk kepada remaja itu sendiri khususnya dan masyarakat amnya (Abdul Rahim et.al, 2006). Menurut Christine (2014), dalam satu kajian mengenai kematangan kerjaya berdasarkan pengaruh pandangan gaya keibubapaan mendapati bahawa tahap kematangan kerjaya murid yang rendah berpunca dari pengaruh ibu bapa atau penjaga dalam membuat keputusan untuk mereka. Berdasarkan analisis korelasi pula dapat dilihat bahawa gaya asuhan autoritatif dan permisif mempunyai hubungan signifikan dengan tahap kematangan kerjaya murid. Selain itu, hasil kajian Nassei et.al (2015) pula mendapati gaya keibubapaan dan efikasi kendiri mempunyai hubungan yang signifikan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Maryann (2009) juga mendapati bahawa faktor gaya keibubapaan dan pengaruh budaya setempat memberikan pengaruh penting dalam perkembangan kerjaya. Walaupun gaya keibubapaan autoritarian dan autoritatif tidak mempunyai korelasi dengan kematangan kerjaya, namun gaya permisif mempunyai hubungan signifikan dengan tahap rendah kematangan kerjaya.

Menurut Erlanger (2009) gaya asuhan autoritatif memberikan impak yang mendalam kepada keputusan akademik dan motivasi intrinsik serta efikasi kendiri mampu menjadi cerminan kepada keputusan akademik murid. Walau bagaimanapun, kajian ini turut mendapati bahawa gaya asuhan autoritatif dan efikasi kendiri tidak mempunyai hubungan yang signifikan. Manakala menurut kajian yang dilakukan oleh Zairoslawanee (2014) pula mendapati bahawa

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

minat merupakan faktor utama yang memberi kesan kepada pemiliha kerjaya murid tingkatan enam di sekolah kluster.

Manakala dapatan kajian yang dilakukan oleh Dhanabalan (2016) yang mengkaji tingkah laku devian dalam kalangan etnik india di Perak pula mendapati bahawa terdapat korelasi pengaruh teladan ibu bapa/ penjaga dengan tingkah laku etnik india dan ini mampu menjadi penanda aras wujudnya hubungan antara pengaruh ibu bapa dengan tingkah laku devian etnik india di daerah Kinta, Perak. Asmah, Nurulhuda dan Mascilla (2011) dalam kajiannya pula mendapati gaya asuhan permisif dan gaya pengabaian merupakan jenis gaya asuhan yang kurang menjadi amalan dalam kalangan ibu bapa. Namun gaya asuhan autoritatif dilihat paling banyak didominasi oleh ibu bapa dan mereka terlibat secara langsung dalam program harian anak disekolah. Kajian ini juga mendapati salah laku murid dan gaya asuhan mempunyai hubungan signifikan. Namun kajian ini turut mendapati bahawa penglibatan ibu bapa dalam setiap program anak disekolah tidak mempunyai hubungan signifikan dengan salah laku yang dilakukan murid

Menurut Yunjiao, Yanping dan Ting (2013), faktor hubungan rakan yang terlibat dengan devian dan delinkuensi serta kefungsian keluarga mempunyai impak signifikan terhadap tingkah laku devian remaja. Begitu juga dengan dapatan Ulfah Mariah (2007) yang mendapati bahawa terdapat hubungan diantara keharmonian keluarga dengan kenakalan remaja. Menurut Miller (2006) pula, keluarga yang berisiko atau kurang berfungsi pula sangat mempengaruhi tingkah laku agresif murid sama ada di rumah atau di sekolah.

Walau bagaimanapun, menurut Lo, Christoper, Dennis, Tina dan Sharon (2011), penghargaan kendiri dan efikasi kendiri mempunyai kaitan signifikan dengan tingkah laku

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

vandelisme atau buli, melawan ibu bapa secara fizikal atau verbal serta melawan guru secara verbal atau fizikal dan motivasi belajar yang kurang. Igbo et.al (2014) dalam satu kajian yang dilakukan turut mendapati wujudnya kaitan signifikan antara gaya asuhan ibu bapa dengan tingkah laku devian murid.

Menurut Asmah et.al (2011) dalam kajiannya mendapati tingkah laku salah paling kerap dilakukan dalam kalangan remaja bagi kategori kenakalan adalah salah laku vandelisme. Namun salah laku ini masih berada ditahap yang rendah. Manakala salah laku paling kerap dilakukan bagi kategori fizikal pula adalah salah laku buli dan berada ditahap sederhana. Manakala bagi salah laku verbal pula, salah laku paling kerap dilakukan adalah salah laku melawan guru dan berada ditahap sederhana. Bagi gaya keibubapaan pula, hasil penyelidikan ini menunjukkan bahawa gaya autoritatif merupakan gaya asuhan yang menjadi pilihan ramai ibu bapda dan ibu bapa terlibat secara aktif dalam aktiviti harian anak-anak disekolah diikuti dengan gaya permisif dan gaya pengabaian.

Oleh sebab itu, berdasarkan huraian dan hasil dapatan kajian lepas yang dinyatakan, jelas menggambarkan keadaan dan hubungan antara gaya asuhan ibu bapa, tingkah laku devian dengan efikasi kendiri membuat keputusan kerjaya dalam kalangan murid. Melihat kepada pentingnya penerapan nilai efikasi kendiri dalam membuat keputusan kerjaya dalam kalangan remaja supaya membantu menanam matlamat pembelajaran disekolah, maka menjadi persoalan mengenai hubungan antara efikasi kendiri membuat keputusan kerjaya dengan masalah gejala tingkah laku salah. Oleh sebab itu, pengkaji telah merancang untuk melakukan kajian berkaitan dengan gaya asuhan ibu bapa, tingkah laku devian dan pengaruhnya terhadap efikasi kendiri membuat keputusan kerjaya dalam kalangan murid sekolah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.3 Penyataan Masalah

Melihat kepada isu tahap efikasi kendiri membuat keputusan kerjaya remaja, faktor sikap dan tingkah laku remaja itu sendiri serta peranan ibu bapa dilihat memberi impak yang tersendiri.

Menurut Hashim dan Amnah (2006), kebanyakan murid hari ini cenderung untuk membuat keputusan kerjaya berdasarkan pengaruh keluarga, penaja pengajian dan rakan sebaya. Selain itu menurut Amla, Zuria dan Salleh (2007), remaja juga dilihat perlu membuat keputusan berkaitan pemilihan pekerjaan seawal mungkin agar mereka mempunyai masa yang cukup dan membuat keputusan yang bijak. Oleh itu kesedaran pemilihan kerjaya perlu ditanamkan sejak di alam sekolah menengah lagi (Mohd Yahya, 2006). Bukan sahaja pihak sekolah yang perlu memainkan peranan, disini kesedaran dalam kalangan ibu bapa yang mempunyai pengaruh tersendiri dalam diri anak-anak perlu memainkan peranan yang sewajarnya demi mendorong mereka bercita-cita dan bertingkah laku seiring dengan pekerjaan yang ingin dicapai.

Menurut Annemaree, Kellie, Michele dan Stephen (2013), remaja delinkuensi kurang penetapan matlamat, menetapkan matlamat yang kurang mencabar, mempunyai komitmen yang rendah dalam mencapai matlamat dan mempunyai pencapaian akademik yang rendah dan efikasi kendiri yang rendah berbanding dengan mereka dalam kelompok yang berisiko dan tidak berisiko delinkuensi. Keadaan ini memberi gambaran bahawa murid terlibat dengan tingkah laku devian mungkin berkecenderungan untuk mempunyai tahap efikasi kendiri membuat keputusan kerjaya yang lemah seperti mana mereka mempunyai tahap pencapaian akademik dan efikasi kendiri yang rendah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Peranan ibu bapa pula, sebagai orang yang terdekat dengan murid adalah bertanggungjawab untuk membentuk, mendidik, membimbing dan mengawal anak anak sejak kecil. Berdasarkan kenyataan ini dapatlah dinilai bahawa peranan ibu bapa sangat penting dalam kehidupan anak-anak. Hal ini demikian kerana, gaya asuhan dan layanan yang diberikan ibu bapa kepada anak-anak akan mencorakkan personaliti dan gaya hidup serta memberi impak dalam menentukan setiap keputusan di masa akan datang (Noraini, 2001). Kenyataan ini memberi gambaran bahawa gaya asuhan ibu bapa akan memberikan impak terhadap perkembangan remaja termasuklah mempengaruhi tahap efikasi kendiri membuat keputusan kerjaya yang sememangnya perlu dilakukan ketika diperingkat sekolah lagi.

Menurut Noor Mohamad (Utusan, 2018) dalam artikelnya mengenai kepentingan penekanan kebolehpasaran graduan menyatakan bahawa perancangan masa depan dan pemilihan kerjaya seharusnya bermula lebih awal. Ibu bapa dilihat sebagai individu yang memainkan peranan utama dalam memastikan anak-anak memilih bidang pengajian yang bersesuaian dan tepat serta mampu menjamin masa depan.

Meninjau statistik kebolehpasaran graduan yang dikeluarkan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) menunjukkan peningkatan saban tahun dengan catatan 79.1% kebolehpasaran graduan pada tahun 2017 berbanding 77.2% bagi tahun 2016, namun isu pengangguran dalam kalangan siswazah turut menjadi tajuk hangat yang dibincangkan. Pada September tahun 2017, statistik yang diperoleh dari laporan siasatan tenaga buruh, Jabatan Perangkaan Malaysia menunjukkan kadar pengangguran di negara ini berada pada kadar 3.5% atau seramai 504,100 orang penganggur dan kekal berada di bawah angka empat peratus.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Daripada hasil kajian kebolehpasaran graduan dan statistik graduan menganggur ini timbul persoalan adakah graduan mempunyai perancangan masa hadapan atau mereka sebenarnya tidak bersedia untuk berdepan dengan cabaran di alam kerjaya kerana kurangnya kemahiran dan pengetahuan dalam membuat keputusan kerjaya yang baik. Maka dari sini, timbul juga isu berkaitan dengan sikap dan tingkah laku dalam memilih haluan masa hadapan dalam kalangan remaja bertingkah laku devian serta apakah golongan remaja hari ini telah diberi pendedahan secukupnya berkaitan alam pekerjaan.

Pada 25 September 2017 akhbar Harian Metro telah menyiarkan satu artikel yang bertajuk ‘Tiada hala tuju, mudah kecewa’ yang merujuk kepada nasib seorang murid lepasan SPM yang gagal melanjutkan muridan kerana keputusan yang kurang memuaskan. Murid ini juga mempunyai pengetahuan yang terhad berkaitan bidang yang boleh diceburi sesuai dengan kelayakan dirinya. Situasi ini memberi gambaran bahawa murid yang kurang cemerlang akademik mempunyai kecenderungan untuk tidak mempunyai hala tuju yang jelas dan kurang efikasi kendiri dalam membuat keputusan kerjaya dengan baik. Keadaan ini secara tidak langsung menimbulkan persoalan dimanakah peranan ibu bapa dalam membantu anak-anak membuat keputusan kerjaya dengan baik.

Matlamat dan hala tuju yang jelas sememangnya mampu membentuk tingkah laku yang jelas seterusnya mendorong seseorang untuk bermotivasi dalam mencapai kejayaan. Sekiranya seseorang mempunyai matlamat yang jelas, maka matlamat tersebut mampu menjadi motivasi yang akan menggerakkan dan memberi arah kepada pemikiran, perasaan dan mampu mengawal tingkah laku seseorang ke arah mencapai matlamat (Ma’rof dan Haslinda, 2002). Kenyataan ini secara tidak langsung memberi gambaran sebaliknya, bahawa sekiranya remaja itu bertingkah laku devian, maka kemungkinan hal itu terjadi adalah disebabkab kurangnya

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

matlamat yang jelas dan tahap efikasi kendiri membuat keputusan kerjaya yang lemah hingga tidak mampu mendorong ke arah tingkah laku yang baik.

Menurut statistik masalah moral remaja yang disiarkan oleh Harian Metro bertarikh 11 Mac 2015, masalah tingkah laku dan moral telah dibahagikan kepada 5 masalah utama iaitu masalah moral, merokok, lari rumah, aktiviti seksual dan anak luar nikah menunjukkan peningkatan saban tahun.

Menurut Sundramoorthy (Mstar, Sept 2017), remaja cenderung untuk bertingkah laku agresif dalam menyelesaikan masalah dan menghadapi perbezaan. Meskipun tiada data yang lengkap mengenai tahap keseriusan masalah ini dan memerlukan kajian yang lebih banyak dilakukan. Sundramoorthy turut menyatakan bahawa keadaan tingkah laku agresif dalam kalangan remaja ini turut memberi gambaran sikap dan tingkah laku golongan dewasa. Cadangan agar diwujudkan sekolah khas pula dilihat sebagai satu usaha membantu murid kembali membina jati diri dan seterusnya membentuk kembali matlamat belajar di sekolah agar mereka lebih berfikiran jauh dalam mengambil satu-satu keputusan atau tindakan yang mungkin akan mempengaruhi masa hadapan mereka.

Walaupun begitu golongan ibu bapa dilihat cuba mengelak dari diletakkan kesalahan dibahu mereka berkaitan punca tingkah laku devian remaja. Ibu bapa cenderung untuk menyalahkan pihak lain sama ada didorong oleh faktor keangkuhan diri ataupun dengan tanggapan bahawa anak mereka masih mentah. Bagaimanapun sejak akhir-akhir ini peranan ibu bapa dilihat diserahkan sepenuhnya kepada pihak sekolah atau pembantu rumah. Tindakan itu dibuat dengan harapan agar tingkah laku, personaliti dan kendiri anak mereka dapat dibentuk dengan sebaiknya. Akibatnya, mereka mengundang gejala sosial dalam kalangan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

remaja yang kurang kasih sayang dan perhatian dari ibu bapa (Maizatul, 2007). Ini secara tidak langsung akan mempengaruhi masa hadapan mereka kelak seandainya tingkah laku mereka sudah tidak dapat dikawal lagi.

Peranan ibu bapa sangat besar terhadap pendidikan anak-anak. Institusi keluarga memainkan peranan utama dalam menjaga kebajikan dan melindungi anak sejak dari lahir hingga mampu membina kehidupan sendiri. Institusi keluarga turut berperanan dalam menanam nilai dan norma kehidupan masyarakat. Sekiranya institusi keluarga dipenuhi dengan kasih sayang dan saling memahami antara satu sama lain maka keperibadian anak-anak dapat dibentuk dengan sempurna dan serasi (Sugih, 2013). Keadaan ini secara tidak langsung akan menaikkan motivasi anak-anak agar berusaha menjadi anak yang cemerlang dan mempunyai hala tuju yang jelas demi masa hadapan mereka kelak sekaligus membantu membentuk tingkah laku yang cemerlang.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kesimpulannya, remaja sedia ada hari ini merupakan individu yang bakal berdepan dengan cabaran hebat dalam menentukan bidang kerjaya dimasa akan datang apatah lagi dunia semaki bergerak ke arah kemajuan yang pesat hingga memberi impak terhadap peluang pekerjaan. Namun seandainya golongan remaja terus terbuai dengan masalah tingkah laku maka usaha menyediakan generasi yang mampu mendepani cabaran revolusi ini akan terjejas.

Memandangkan golongan remaja ini masih dibawah pengaruh ibu bapa, maka golongan ibu bapa berperanan penting dalam mempersiapkan anak mereka dengan efikasi kendiri yang mantap agar bersedia menghadapi cabaran dan persaingan dunia pekerjaan. Manakala tingkah laku pula dilihat sebagai faktor pendorong ke arah kecemerlangan masa hadapan atau kegagalan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Oleh itu kajian ini turut dilihat sebagai satu usaha membantu meningkatkan kesedaran pentingnya efikasi kendiri membuat keputusan kerjaya bermula diperingkat sekolah lagi agar remaja bersedia menghadapi cabaran. Selain itu faktor gaya asuhan ibu bapa yang dilihat sebagai golongan yang paling hampir dengan anak remaja menjadikan ia sebagai antara faktor penting penentu tahap efikasi kendiri membuat keputusan kerjaya, disamping tingkah laku remaja yang dilihat menjadi faktor pemangkin ke arah rendah atau tingginya tahap efikasi kendiri membuat keputusan kerjaya.

1.4 Persoalan Kajian

1. Apakah jenis gaya asuhan ibu bapa (autoritarian, autoritatif dan permisif), yang paling dominan dalam kalangan murid sekolah menengah?

2. Apakah tahap tingkah laku devian dalam kalangan murid sekolah menengah?

3. Apakah tahap efikasi kendiri membuat keputusan kerjaya dalam kalangan murid sekolah menengah?

4. Adakah terdapat perbezaan jenis gaya asuhan ibu bapa (autoritarian, autoritatif dan permisif), tingkah laku devian dan efikasi kendiri membuat keputusan kerjaya berdasarkan jantina?

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5. Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara jenis gaya asuhan ibu bapa (autoritarian, autoritatif dan permisif) dengan efikasi kendiri membuat keputusan kerjaya dalam kalangan murid sekolah menengah?

6. Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara jenis gaya asuhan ibu bapa (autoritarian, autoritatif dan permisif) dengan efikasi kendiri membuat keputusan kerjaya dalam kalangan murid sekolah menengah?

7. Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara jenis gaya asuhan ibu bapa (autoritarian, autoritatif dan permisif) dengan tingkah laku devian dalam kalangan murid sekolah menengah?

8. Adakah terdapat pengaruh yang signifikan gaya asuhan ibu bapa (autoritarian, autoritatif dan permisif) dengan tingkah laku devian ke atas efikasi kendiri membuat keputusan kerjaya dalam kalangan murid sekolah menengah?

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.5 Objektif Kajian

Kajian ini dibuat untuk mengenalpasti pengaruh jenis gaya asuhan ibu bapa (autoritarian, autoritatif dan permisif), dan tingkah laku devian dalam kalangan remaja (tingkatan empat) ke atas efikasi kendiri membuat keputusan kerjaya. Selain itu kajian ini adalah untuk mengenalpasti perbezaan pengaruh gaya asuhan ibu bapa dan tingkah laku devian dalam kalangan remaja (tingkatan empat) ke atas efikasi kendiri berdasarkan jantina. Kajian ini juga bertujuan mengenalpasti hubungan antara jenis gaya asuhan ibu bapa dan tingkah laku devian

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dalam kalangan remaja (tingkatan empat) dengan efikasi kendiri membuat keputusan kerjaya. Secara khususnya objektif kajian ini adalah seperti berikut:

1. Mengenal pasti jenis gaya asuhan (autoritarian, autoritatif dan permisif) ibu bapa yang paling dominan dalam kalangan murid sekolah menengah

2. Mengenal pasti tahap tingkah laku devian dalam kalangan murid sekolah menengah

3. Mengenal pasti tahap efikasi kendiri membuat keputusan kerjaya dalam kalangan murid sekolah menengah

4. Mengenal pasti perbezaan antara jenis gaya asuhan (autoritarian, autoritatif dan permisif), tahap tingkah laku devian dan tahap efikasi kendiri membuat keputusan kerjaya berdasarkan jantina

5. Mengenal pasti hubungan antara gaya asuhan ibu bapa autoritarian, autoritatif dan permisif dengan efikasi kendiri membuat keputusan kerjaya dalam kalangan murid sekolah menengah

6. Mengenal pasti hubungan antara gaya asuhan ibu bapa autoritarian, autoritatif dan permisif dengan tingkah laku devian murid sekolah menengah

7. Mengenal pasti hubungan diantara tingkah laku devian dengan efikasi kendiri membuat keputusan kerjaya dalam kalangan murid sekolah menengah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

8. Mengenal pasti pengaruh gaya asuhan ibu bapa autoritarian, autoritatif dan permisif, tingkah laku devian ke atas efikasi kendiri membuat keputusan kerjaya dalam kalangan murid sekolah menengah

1.6 Definisi Konsep dan Operasional

Terdapat tiga konsep utama yang berkaitan dengan kajian. Tiga konsep tersebut adalah gaya asuhan ibu bapa, tingkah laku devian dan efikasi kendiri membuat keputusan kerjaya.

1.6.1 Definisi Konsep:Gaya Asuhan Ibu bapa

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Melalui kajian ini, definisi konsep tingkah laku ibu bapa bermaksud gaya didikan atau asuhan ibub bapa terhadap anak-anak dan boleh dibahagikan kepada empat jenis iaitu permisif dan liberal, autokratik, autokratik namun demokratik, dan tidak menentu (Amin dan Shariff, 1988). Merujuk kepada kamus dewan (2003) gaya asuhan bermaksud mendidik, menjaga, memelihara, membimbingan dan menunjuk ajar.

Memahami definisi konsep bagi gaya asuhan permisif dan liberal membawa maksud anak-anak diberi kebebasan dan boleh membuat keputusan sesuka hati. Manakala bagi gaya asuhan tidak menentu pula membawa maksud ibu bapa bebas dalam menentukan gaya asuhan yang ingin diamalkan. Bagi gaya asuhan autokratik pula membawa maksud ibu bapa suka memerintah anak-anak. Manakala gaya asuhan autokratik tetapi demokratik pula membawa

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

maksud ibu bapa tegas dalam mendidik anak-anak namun masih terbuka dengan perbincangan dan pendapat (Amin dan Shariff, 1988).

Bagi pengaruh gaya asuhan ibu bapa dapat dipecahkan kepada tiga jenis iaitu jenis permisif, autoritarian dan jenis gaya asuhan autoritatif (Baumrind, 1971). Ibu bapa seharusnya mempunyai pengetahuan mengenai gaya asuhan ini agar dapat dijadikan panduan dalam mendidik anak-anak dan mampu diamalkan dalam interaksi seharian dengan anak-anak. Walaupun begitu, gaya asuhan ini seharusnya diamalkan mengikut keperluan dan tidak hanya terikat dengan satu-satu jenis sahaja.

a) Gaya Asuhan Ibu Bapa Permisif

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Gaya asuhan ibu bapa permisif merupakan gaya asuhan yang mudah didekati anak dan anak-anak bebas membuat pilihan. Gaya asuhan ini sering mengakibatkan anak suka bergantung kepada ibu bapa, memberontak, dan cenderung mempunyai keinginan yang tinggi. Walaupun jenis gaya asuhan permisif ini memperlihatkan ikatan mesra antara ibu bapa dengan anak-anak dan bertanggunjawab, namun anak-anak akan merasakan ibu bapa tidak mengambil berat terhadap mereka dan lebih mementingkan urusan peribadi (Santrock, 1972). Antara kebaikan gaya asuhan ini adalah anak-anak mampu menghadapi tekanan atau masalah dengan baik. Namun keburukan gaya asuhan permisif ini adalah anak-anak mudah terpengaruh dengan tingkah laku salah seperti pergaulan bebas, merokok dan gejala negatif yang lain (Baumrind, 1966).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

b) Gaya Asuhan Ibu Bapa Autoritarian

Gaya asuhan ibu bapa autoritarian ini membawa maksud kepada gaya asuhan yang mementingkan aspek disiplin diri dan anak-anak tidak dibenarkan untuk mempersoalkan sebarang arahan yang diberikan. Gaya asuhan ini juga akan mengenakan hukuman atau dendaan sekiranya anak gagal mematuhi arahan yang diberikan. Gaya asuhan ini secara tidak langsung memberi kelebihan sekiranya ibu bapa ingin mendisiplinkan anak-anak, mengajar anak-anak agar menghormati orang dewasa, mendidik anak-anak menepati masa dan patuh pada peraturan yang ditetapkan walaupun tidak menyukainya. Namun diantara keburukan gaya asuhan ini adalah anak-anak akan lebih bersikap negatif seperti mempunyai nilai sosial yang rendah, agresif dan sering dalam keadaan mood yang berubah-ubah hasil dari hukuman yang berlebihan dari ibu bapa (Baumind, 1966). Menurut D'Angelo L., Getson P., dan Luban N. (1991) kanak-kanak akan cenderung untuk berasa sukar menyesuaikan diri dengan persekitaran sekiranya mereka sering dihukum atau melihat tingkah laku agresif di rumah.

c) Gaya Asuhan Ibu Bapa Autoritatif

Gaya asuhan ibu bapa autoritatif pula merujuk kepada sikap ibu bapa yang tegas dalam mendidik bersesuaian dengan perkembangan anak namun masih boleh bertoleransi dan terbuka. Anak-anak juga diberi peluang untuk menentukan pilihannya sendiri. Walaupun begitu, ibu bapa dengan gaya autoritatif akan cenderung untuk memberi pandangan yang rasional dan matang demi membimbing anak-anak untuk bersedia berdikari. Ibu bapa yang memilih gaya asuhan autoritatif ini seringkali dilihat mudah mesra, gembira, dan peramah dengan anak-anak disamping berfikiran luas dan terbuka. Keadaan ini berlaku kerana ibu bapa

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

autoritatif cenderung untuk mewujudkan suasana institusi keluarga yang tenang dan seimbang demi perkembangan positif anak-anak (Baumrind, 1966).

1.6.2 Definisi Operasional: Gaya Asuhan Ibu bapa

Berdasarkan kajian ini, gaya asuhan ibu bapa merujuk kepada tiga jenis gaya asuhan iaitu autoritarian, autoritatif dan permisif yang diamalkan oleh ibu bapa murid tingkatan empat daerah Maran mengikut perspektif murid itu sendiri. Alat ukuran yang digunakan bagi mengukur gaya asuhan ibu bapa ini ialah soal selidik yang dibangunkan oleh Paulson (1994) iaitu 'Paulson's Perception of Parenting Scale'. Soal selidik ini telah diubahsuai oleh Ching dan Shahlan (2017). Soal selidik skala persepsi ibu bapa Paulson ini mengandungi 20 soalan dan dipecahkan kepada 3 subskala iaitu autoritarian, autoritatif dan permisif. Soal selidik ini bertujuan untuk mengetahui jenis gaya asuhan yang diamalkan oleh ibu bapa murid tingkatan empat Daerah Maran.

1.6.3 Definisi Konsep: Tingkah laku devian

Dalam kajian ini, definisi konsep devian membawa maksud tingkah laku bermasalah yang menyalahi norma individu berdasarkan status sosial masyarakat atau berkelakuan yang tidak diterima dan melebihi batas yang ditetapkan dalam sesebuah masyarakat (Asmak, 2006).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam tingkah laku manusia, dapat kita kategorikan tingkah laku ini kepada dua iaitu Prososial atau positif dan Antisosial atau negatif. Menurut ahli psikologi sosial, masalah tingkah laku tergolong dalam kategori antisosial dan mempunyai potensi untuk melakukan jenayah (Abdullah Sani, 2006). Dalam artikel yang ditulis oleh Morris bertajuk "Jenayah dicipta dan bukan dilahirkan" menyatakan bahawa salah laku murid bermaksud tingkah laku bermasalah atau devian yang dilakukan oleh seseorang yang dikategorikan sebagai bawah umur atau belum dewasa. Tingkah laku devian ini kebiasaannya bercanggah daripada gaya hidup masyarakat setempat, nilai yang dipercayai dan pelanggaran undang-undang jenayah yang dilakukan (Dewan Masyarakat, Jun 2000).

Terdapat pelbagai jenis tingkah laku antisosial yang dianggap sebagai tingkah laku devian dalam kalangan masyarakat. Antara sekecil-kecil tingkah laku adalah seperti tidak menghormati guru dan ponteng. Manakala tingkah laku devian yang lebih serius adalah seperti seks bebas hingga menular kes pembuangan bayi, pelacuran dan lari dari rumah. Pelbagai lagi tingkah laku devian yang lain seperti mencuri, vandalisme, penyalahgunaan dadah, merompak, minum arak, buli dan sebagainya (Regoli dan Hewitt, 1991).

Pepler (1998) telah membahagikan tingkah laku devian kepada dua kategori iaitu verbal dan fizikal. Tingkah laku devian kategori verbal merujuk kepada perbuatan mengejek rakan dan memfitnah. Tingkah laku devian fizikal pula merujuk kepada mencederakan rakan, merogol, memukul, membunuh, mengambil hak orang lain dan sebagainya (Smith, 1991).

Tingkah laku devian ini boleh berlaku sama ada dalam kalangan remaja lelaki mahupun perempuan dan dapat dilihat dalam pelbagai bentuk dan cara seperti dinyatakan diatas. Kajian ini pula menjurus kepada tingkah laku yang bercanggah dengan nilai moral dan kebiasaan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

setempat yang tidak diterima, termasuklah perbuatan anti sosial dan jenayah. Tingkah laku devian dalam konteks kajian ini diukur dengan menggunakan soal selidik *'Delinquency Scale'* yang dibangunkan oleh Junger (1997) dengan pengubahsuai bersesuaian dengan kehendak kajian.

.

1.6.4 Definisi Operasional: Tingkah laku devian

Definisi operasional tingkah laku devian kajian ini pula merujuk kepada perbuatan yang menyalahi peraturan sama ada melalui fizikal, verbal ataupun anti-sosial dalam kalangan remaja (murid tingkatan empat) sekolah menengah harian daerah Maran. Bagi mengukur tingkah laku devian ini, soal selidik *'Delinquency Scale'* yang dibangunkan oleh Junger (1997) dan diubahsuai oleh Ching dan Shahlan (2017) telah digunakan. Soal selidik ini terdiri daripada 34 soalan yang merangkumi tingkah laku devian fizikal, verbal ataupun anti-sosial. Melalui soal selidik ini tahap tingkah laku devian remaja (murid tingkatan empat) dapat dinilai.

1.6.5 Definisi Konsep: Efikasi Kendiri Membuat Keputusan Kerjaya

Definisi konsep bagi efikasi kendiri membawa maksud keyakinan diri seseorang terhadap kemampuannya sendiri dalam melaksanakan tingkah laku yang dikehendaki dengan sebaiknya (Bandura, 1977). Kepercayaan yang tinggi terhadap kemampuan diri sendiri sebenarnya mampu mendorong individu menjalankan tugas yang diberikan kepadanya dengan sebaiknya. Bandura (2000) turut menyatakan efikasi kendiri turut membawa maksud keyakinan seseorang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dalam diri yang membantu menggerakkan sumber pemikiran, motivasi dan bertindak sesuai dengan keperluan tugasan.

Selain itu, efikasi kendiri juga didefinisikan sebagai kepercayaan mengenai kekuatan yang dimiliki seseorang untuk melakukan tugasan yang diberikan (Solberg, Villareal, Kennel dan Davis, 1993). Menurut Lent dan Hackett (1987) pula, efikasi kendiri tidak hanya melibatkan kebolehan semata-mata, namun ianya turut melibatkan keyakinan mengenai kemampuan untuk menghasilkan tindakan yang berkesan.

Selaras dengan definisi efikasi kendiri yang dinyatakan oleh Schwarzer (1992) iaitu efikasi kendiri merujuk kepada keyakinan individu terhadap kemampuannya dalam melaksanakan tanggungjawab baru dan susah atau mampu berdepan dengan cabaran dalam pelbagai aspek kehidupan. Bagi Ramey dan Enoch (1990) pula, efikasi kendiri adalah kepercayaan seseorang terhadap kebolehan yang terdapat dalam dirinya. Tambahnya lagi, dengan adanya kepercayaan dalam diri individu, maka mereka mampu bertindak dengan lebih baik dan sempurna.

Melihat kepada makna efikasi kendiri merupakan kemampuan dan kepercayaan individu dalam bertingkah laku yang lebih baik, Hacket dan Betz (1981) telah mendefinisikan efikasi kendiri membuat keputusan kerjaya sebagai tugas-tugas yang berkaitan dengan kerjaya dan tingkah laku.

Wolfe dan Betz (2004) pula menyatakan efikasi kendiri membuat keputusan kerjaya adalah kepercayaan seseorang dalam menyelesaikan tugas untuk membuat keputusan kerjaya iaitu bersedia meneroka alam sekitar dan mempunyai keupayaan dalam penerokaan tingkah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

laku tersebut. Individu yang mempunyai efikasi kendiri yang utuh dalam diri akan membantu individu tersebut membuat keputusan kerjaya. Brown dan Lent (1996) menegaskan bahawa individu yang kurang yakin dalam membuat perancangan dan pilihan kerjaya merupakan seseorang yang tidak matang dalam membuat keputusan kerjaya.

1.6.6 Definisi Operasional: Efikasi Kendiri Membuat Keputusan Kerjaya

Dalam kajian ini, efikasi kendiri membuat keputusan kerjaya merujuk kepada aspek penilaian kendiri, maklumat kerjaya, maklumat pilihan, penyelesaian dan perancangan masalah yang melibatkan murid tingkatan empat daerah Maran. Efikasi kendiri membuat keputusan kerjaya ini diukur menggunakan Soal Selidik *Career Decision Self-Efficacy Scale-short form* (CDSE-SF) berdasarkan 25 soalan yang akan mengukur keyakinan diri murid ke arah menentukan kerjaya yang sesuai buat dirinya.. Oleh yang demikian, bagi murid yang mencapai skor keyakinan diri yang tinggi atau efikasi kendiri yang tinggi, maka dapat digambarkan bahawa murid tersebut tidak mudah putus asa dan mempunyai keazaman yang kuat untuk berdepan dengan pelbagai masalah mendatang.

1.7 Kerangka Kajian

Kajian ini merupakan kajian tinjauan yang melibatkan murid tingkatan empat sekolah terpilih daerah Maran. Dalam kajian ini, analisis deskriptif digunakan untuk menghuraikan seluruh profil murid dan faktor jantina dalam menentukan gaya asuhan ibu bapa (autoritarian,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

autoritatif dan permisif), kekerapan tingkah laku devian dan efikasi kendiri dalam membuat keputusan kerjaya.



Rajah 1.1. Kerangka Kajian

Berdasarkan Rajah 1.1 kajian ini bertujuan mengkaji pengaruh gaya asuhan ibu bapa autoritarian, autoritatif dan permisif ke atas remaja (murid tingkatan empat) sekolah menengah. Selain itu kajian ini turut bertujuan mendapatkan maklumat berkaitan tahap tingkah laku devian remaja yang terbahagi kepada 3 kategori iaitu fizikal, verbal dan anti sosial. Kajian ini juga paling utama adalah mengkaji tahap efikasi kendiri membuat keputusan kerjaya dalam kalangan murid sekolah menengah.

Selain itu, kajian ini bertujuan mengukur perbezaan tahap gaya asuhan ibu bapa (autoritarian, autoritatif dan permisif), tingkah laku devian (fizikal, verbal dan anti sosial) dan efikasi kendiri keputusan kerjaya berdasarkan jantina. Disamping itu, kajian ini juga dilakukan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

untuk mengkaji hubungan diantara pengaruh gaya asuhan ibu bapa (autoritarian, autoritatif dan permisif) dengan tahap efikasi kendiri membuat keputusan kerjaya. Kajian ini juga bertujuan mengukur hubungan antara pengaruh gaya asuhan ibu bapa (autoritarian, autoritatif dan permisif) dengan tahap tingkah laku devian (fizikal, verbal dan anti sosial) terhadap efikasi kendiri membuat keputusan kerjaya dalam kalangan murid tingkatan empat sekolah menengah.

1.8 Kepentingan Kajian

Diharapkan dapatan kajian ini akan dapat memberi kebaikan kepada semua pihak secara langsung dan tidak langsung untuk memastikan isu efikasi kendiri dalam membuat pemilihan kerjaya dengan faktor tingkah laku devian dan jenis gaya asuhan ibu bapa dapat dikenalpasti. Dapatan ini juga diharapkan menjadi tanda ukur dalam menitik beratka pendidikan kerjaya dalam kalangan murid sekolah rendah ataupun sekolah menengah. Diharapkan melalui kajian ini juga, remaja khususnya murid tingkatan empat yang terlibat sebagai subjek kajian dapat menyuntik kesedaran berkaitan tingkah laku mereka dan memberi dorongan dalam meningkatkan kesedaran pemilihan kerjaya yang sesuai dimasa akan datang.

Disamping itu, melalui hasil kajian ini diharapkan mampu memberi bimbingan kepada ibu bapa dalam menentukan corak asuhan terhadap anak-anak dengan lebih berkesan. Selain itu, dengan adanya kajian ini, diharapkan mampu meningkatkan kesedaran ibu bapa berkaitan pentingnya penerapan nilai kerjaya dan perancangan kerjaya yang lebih awal dalam kalangan anak serta membantu ibu bapa mengenalpasti tingkah laku anak mereka sama ada negatif atau positif.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dengan adanya maklumat berkaitan tingkah laku devian remaja ini juga diharapkan akan membantu kaunselor sekolah dalam memberikan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling yang sesuai terhadap murid. Selain itu, hasil kajian juga membantu kaunselor dalam menjalankan program pendidikan keibubapaan dengan menggunakan modul yang sesuai kepada ibu bapa agar persekitaran keluarga yang lebih harmoni dapat dibentuk. Disamping itu melalui kajian ini juga, kaunselor dapat mengenalpasti adakah faktor tingkah laku devian disebabkan oleh rendahnya efikasi kendiri dalam pemilihan kerjaya dalam kalangan remaja ataupun tidak dan memberikan intervensi yang sesuai kepada remaja yang terlibat dengan tingkah laku devian.

Pihak media massa juga diharapkan tidak lagi hanya menunding jari ke arah pihak sekolah sekiranya murid terlibat dengan salah laku. Selain itu, diharapkan media massa turut menjadi medium menyalurkan maklumat berkaitan kerjaya agar membantu murid lebih fokus pada masa depan dan tidak lagi berada dalam zon kurang kesedaran kerjaya yang dilihat sangat penting dalam membentuk tingkah laku.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.9 Pendekatan Teori

Terdapat lima pendekatan teori yang digunakan didalam kajian ini iaitu bagi Teori Gaya Asuhan Baumrind dan Model Gaya Asuhan Baumrind (1991) bagi gaya asuhan ibu bapa, teori tingkah laku devian remaja: Teori Ajukan Sosial (Moffitt, 1993) dan Teori Psikososial (Eric Erikson) manakala bagi efikasi kendiri pula menggunakan Teori Kerjaya Kognitif Sosial (Lent, Brown, Hazket 1994) dan Teori Pemilihan Kerjaya Anne Roe.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Rajah 1.2. Kerangka Teori

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam kajian ini, lima teori telah digunakan dalam cuba memahami permasalahan kajian. Teori Gaya Asuhan Ibu bapa (Baumrind, 1991) digunakan untuk pemboleh ubah Gaya Asuhan Ibu bapa, Teori Ajukan Sosial (Moffitt, 1993) dan Teori Psikososial (Eric Erikson) pula digunakan bagi pemboleh ubah Tingkah laku Devian Remaja. Manakala bagi pemboleh ubah Efikasi Kendiri Membuat Keputusan Kerjaya pula menggunakan dua teori Teori Kerjaya Kognitif Sosial (Lent, Brown, Hackett 1994) dan Teori Pemilihan Kerjaya (Anne Roe, 1957).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.9.1 Teori Gaya Asuhan Ibu bapa

(i) Teori Gaya Asuhan dan Model Asuhan Ibu Bapa (Baumrind, 1991)

Baumrind (1966) telah mencipta satu teori yang menjadi garis panduan dalam menentukan jenis gaya asuhan ibu bapa sehingga ke hari ini. Baumrind telah memperkenalkan tiga jenis model gaya asuhan sebagai asas iaitu permisif, autoritarian dan autoritatif. Terdapat dua ciri utama dalam membezakan jenis model gaya asuhan ini iaitu permintaan dan sikap kebertanggungjawaban ibu bapa terhadap anak-anak (Baumrind, 1991).

Menurut Baumrind (1996), gaya asuhan permisif bermaksud ibu bapa mempunyai pemintaan yang rendah namun tinggi kebertangungjawaban. Ibu bapa dilihat selalu cuba memenuhi permintaan anak-anak dan terlalu berlembut dengan anak-anak serta menganggap anak-anak sudah mampu menentukan kehidupannya sendiri sehingga anak-anak menjadi bebas tanpa kawalan dan peraturan (Baumrind, 1991). Hasil daripada gaya asuhan berbentuk permisif ini, remaja tersebut akan bersikap degil, mempunyai ciri-ciri kebergantungan yang tinggi kepada orang lain, tidak mempunyai motivasi, pentingkan diri dan mahukan perhatian.

Bagi gaya asuhan autoritarian pula, menurut Baumrind (1991) ibu bapa dilihat sebagai memiliki sikap tanggungjawab yang rendah namun tinggi permintaan. Ibu bapa dengan gaya asuhan autoritatrian ini sering mengawal anak-anak dengan disiplin yang tinggi. Anak-anak juga diberikan hukuman sekiranya melanggar peraturan yang ditetapkan dan anak-anak tidak boleh menyoal sebarang tindakan ibu bapa. Anak-anak yang mendapat didikan dengan gaya asuhan ini cenderung untuk mempunyai keyakinan diri yang rendah, tidak pandai berinteraksi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dengan orang lain, suka melawan, sering kelihatan tidak gembira, sering berasa bimbang, serta mempunyai kebergantungan yang tinggi (Baumrind, 1971).

Seterusnya, bagi gaya asuhan berbentuk autoritatif, ibu bapa dilihat sebagai mempunyai permintaan dan nilai kebertanggungjawaban yang tinggi. Hal ini bermakna ibu bapa yang mengamalkan gaya asuhan ini sering mengambil sikap tegas namun boleh berbincang dan bersedia mendengar setiap pandangan yang diutarakan oleh anak-anak. Demi kejayaan dan kecemerlangan anak-anak, kebanyakan kajian menyarankan agar gaya asuhan autoritatif ini diamalkan (Jeynes, 2007). Anak-anak yang dididik menggunakan pendekatan autoritatif sering menghasilkan remaja yang berpersonaliti mudah disukai, berkeyakinan diri, ceria, berdikari, hormat menghormati dan berjaya disekolah.

Dalam pada itu, terdapat juga kajian lain yang tidak menyokong kajian Baumrind. Misalnya kajian yang menunjukkan bahawa tidak ada signifikan dan kolerasi positif diantara gaya asuhan dengan pencapaian akademik dalam kalangan murid sekolah rendah (Habibah dan Tan, 2009). Beberapa kajian lain turut menunjukkan bahawa gaya keibubapaan dalam masyarakat pelbagai budaya tidak memberi kesan negatif ke atas pencapaian akademik anak-anak. Misalnya dalam masyarakat Cina gaya asuhan autoritarian dilihat lebih baik diamalkan demi kejayaan anak-anak berbeza dengan masyarakat di Eropah mahupun di Amerika (Hamidah, 2013).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.9.2 Teori Tingkah laku Devian

(i) Teori Ajukan Sosial (Moffitt, 1993)

Teori Ajukan Sosial telah diperkenalkan oleh Moffitt (1993). Teori ini menerangkan peranan ibu bapa dalam memberi kesan terhadap tingkah laku delinkuen dalam kalangan remaja. Selain ibu bapa, teori ini turut menyatakan bahawa rakan sebaya turut menyumbang kepada tingkah laku delinkuen remaja.

Moffitt (1993) turut menyatakan bahawa ketika diusia remaja, seseorang itu cenderung untuk mempunyai jurang kematangan dan ini terjadi disebabkan oleh seseorang itu mungkin telah capai tahap kematangan dari aspek biologikal namun tahap pemikirannya masih di peringkat kanak-kanak. Keadaan ini secara tidak langsung menerangkan keadaan bagaimana remaja boleh mula terlibat dengan kumpulan devian rakan sebaya sebagai jalan menuntut status individu dewasa walaupun berusia kanak-kanak.

Ketika remaja berada dalam proses untuk mencari tingkah laku orang dewasa, remaja akan tertarik dengan rakan sebaya yang turut sama dalam proses pencarian tingkah laku dewasa untuk mencapai tahap dewasa. Terdapat juga kajian lain yang menyatakan bahawa penolakan interaksi antara ibu bapa dan anak serta rakan sebaya menjadi punca perkembangan tingkah laku negatif remaja.

Model Dishion et al. (1994), mengetengahkan unsur tekanan dan pertemuan untuk menerangkan konsep dan perkembangan tingkah laku negatif. Melalui model ini, hubungan yang longgar antara ibu bapa dan anak merupakan punca tekanan dan tingkah laku anti sosial.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Tingkah laku ini kemudiannya akan memberi kesan terhadap persekitaran remaja tersebut seperti mempengaruhi hubungannya dengan rakan sebaya. Remaja akan berhadapan dengan masalah penolakan rakan sebaya akibat daripada tingkah laku anti-sosial ini.

Akibat daripada gagal memilih rakan sebaya yang baik, maka remaja cenderung untuk bertingkah laku negatif dan seterusnya memilih untuk bergaul dengan remaja yang negatif. Keadaan ini boleh diterangkan oleh Teori Ajukan Sosial bahawa remaja yang mempunyai pengalaman gagal untuk mendapatkan rakan sebaya yang normal akan mencari kumpulan rakan sebaya yang negatif.

Kesan dari penolakan rakan sebaya menyebabkan keperluan sosial remaja tidak dapat dipenuhi hingga akhirnya remaja cenderung untuk memilih kumpulan rakan sebaya lain yang boleh bersama-sama bertingkah laku negatif. Teori ini dilihat sangat sesuai digunakan, kerana teori ini beranggapan bahawa tingkah laku negatif merupakan tingkah laku yang dimuridi dan bukannya satu tingkah laku yang wujud secara semula jadi dalam diri individu. Teori ini juga memberi gambaran bagaimana tingkah laku negatif terbentuk dan berkembang dalam kalangan remaja.

Menurut teori ini juga ketika berusia 10 tahun individu akan mencapai tahap kematangan biologi walau bagaimanapun ketika itu juga mereka masih tidak menemui cara hidup dan tingkah laku yang sesuai untuk diamalkan. Oleh kerana itu, dapat difahami bahawa ketika berusia 10 tahun ini, individu yang paling penting dan signifikan dalam menentukan kehidupan remaja aalah ibu bapa remaja itu sendiri.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Penggunaan Teori Ajukan Sosial juga diyakini sesuai dengan kajian ini kerana teori ini mengambil kira peranan kognitif dalam pembentukan tingkah laku seseorang remaja. Teori Ajukan Sosial merupakan gabungan teori pengukuhan (rangsangan dan tindak balas) dan teori kognitif. Teori Ajukan Sosial menjelaskan bahawa tingkah laku manusia akibat daripada pengaruh interaksi antara kognitif, persekitaran dan perlakuan manusia lain.

(ii) Teori Psikososial (Erikson, 1963)

Eric Erikson merupakan salah seorang pengikut Freud. Namun berbeza dengan Freud, Eric Erikson menganggap ego merupakan penggerak tingkah laku manusia (Jas Laile Suzana, 2008). Dalam teori ini, Erikson telah memperkenalkan lapan peringkat perkembangan manusia yang dikenali sebagai peringkat psikososial.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Peringkat 0 hingga 1 tahun dikenali sebagai peringkat percaya lawan tidak percaya yang mana interaksi ibu bapa dengan anak adalah elemen penting untuk memupuk rasa percaya anak terhadap ibu bapa atau sebaliknya. Seterusnya adalah peringkat autonomi lawan ragu-ragu. Tahap ini anak-anak mula rasa bertanggungjawab dengan setiap tingkah laku yang mereka lakukan. Anak-anak boleh menjadi berdikari sekiranya ibu bapa memberi galakan atau akan menjadi kurang berkeyakinan sekiranya anak-anak terlalu dikawal.

Seterusnya adalah peringkat inisiatif lawan rasa bersalah ketika berusia tiga hingga lima tahun. Tahap ini merupakan tahap dimana anak-anak mula suka meneroka setiap yang ada disekeliling mereka dan membuat aktiviti sendiri. Selepas itu adalah peringkat industri lawan rasa rendah diri ketika berusia enam hingga sebelas tahun. Pada peringkat ini anak-anak sudah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

terdedah untuk belajar kemahiran akademik dan kemahiran sosial yang lain. Pada ketika ini juga anak mula memiliki rakan dan mula cuba mengenali diri sendiri.

Seterusnya adalah peringkat identiti dan keliru peranan ketika berusia dua belas tahun hingga sembilan belas tahun. Selepas itu adalah peringkat intimasi lawan isolasi ketika di awal dewasa dan seterusnya adalah peringkat generativiti lawan penyerapan kendiri yang juga dikenali sebagai peringkat dewasa pertengahan dan yang terakhir adalah peringkat keutuhan lawan putus asa atau tua.

Manusia dikatakan perlu mengatasi krisis setiap peringkat sebelum boleh mencapai peringkat seterusnya. Sekiranya individu berjaya melepasi setiap peringkat psikosial tersebut dengan jaya, maka individu tersebut mampu memiliki personaliti dan jati diri yang dianggap berjaya. Jika individu gagal melepasi peringkat krisis tersebut, individu akan mengalami kecelaruan personaliti dan konflik jati diri.

Sepanjang tempoh disetiap peringkat tersebut, persekitaran terutamanya ibu bapa, pendidik, kawan dan sesiapa sahaja yang rapat dengan remaja mempunyai pengaruh dalam pembentukan personaliti remaja. Dalam peringkat membentuk identiti diri, sekiranya remaja gagal maka akan timbul rasa kecewa dan keliru. Ketidak upayaan menilai tingkah laku sama ada baik atau buruk juga akan mengakibatkan remaja terlibat dengan perlakuan devian seperti gengsterisme, membuli, mencuri dan sebagainya (Gill, 1992).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.9.2 Teori Efikasi Kendiri Pemilihan Kerjaya

(i) Teori Kerjaya Kognitif Sosial

Teori kognitif sosial ini telah menjadikan teori pembelajaran sosial Albert Bandura (1986) sebagai asas. Teori ini mengutamakan isu keturunan, jantina, dan peristiwa hidup yang mungkin memberi kesan dalam membuat pilihan kerjaya. Teori Kognitif Sosial (Bandura 1986, 1997) telah diaplikasikan dalam psikologi vokasional untuk menolong bagaimana seseorang membangunkan minat dalam kerjaya, bagaimana mereka membuat pilihan kerjaya dan bagaimana mereka menentukan tahap pencapaian.

Teori Kognitif Sosial mengkaji interaksi persekitaran, faktor personal contohnya ingatan, kepercayaan, kecenderungan dan persepsi diri dan tingkah laku sebenar. Kata kunci efikasi kendiri adalah pandangan individu terhadap kemampuan mengurus dan membuat keputusan dan tindak seperti yang dikehendaki (Bandura, 1986).

Hackett dan Betz (1981) merupakan orang pertama yang menggunakan teori Kognitif Sosial oleh Bandura dengan menekankan perasaan efikasi kendiri kepada pemilihan kerjaya. Mereka fokus kepada Teori Kognitif Sosial untuk menerangkan pemilihan kerjaya dalam kalangan wanita, juga turut mencadangkan efikasi kendiri yang rendah mungkin mengehadkan pilihan dalam kerjaya wanita. Berdasarkan kajian untuk melihat peranan efikasi-kendiri dalam pemilihan kerjaya wanita Lent et.al. (1994) memperluaskan konsep asal teori kepada minat kerjaya dan akademik, pemilihan pencapaian kepada lelaki dan wanita. Konsep kognitif daripada efikasi-kendiri, jangkaan hasil dan pemilihan matlamat merupakan faktor yang signifikan dalam membuat keputusan berkaitan akademik dan kerjaya. Faktor ini

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

mempengaruhi bagaimana seseorang itu melihat keupayaannya dan mereka percaya boleh mencapainya.

Teori Kerjaya Kognitif Sosial fokus kepada hubungkait dinamik yang berlaku antara faktor kognitif individu (contohnya efikasi-kendiri, jangkaan hasil dan matlamat) faktor personal atau persekitaran (contohnya gender, etnik, sokongan sosial dan halangan) untuk menolong membentuk proses perkembangan kerjaya (Lent et.al, 1994).

Hackett dan Betz (1981) turut menyokong teori efikasi-kendiri Bandura terhadap pilihan kerjaya. Teori Efikasi-Kendiri Bandura boleh digunakan untuk memahami dan memperbaiki tingkah laku kerjaya. Daripada empat sumber efikasi-kendiri yang ditekankan Bandura, terdapat tiga kesan tingkah laku yang dihasilkan iaitu tingkah laku 'mendekati' atau 'menjauhi', tingkah laku 'pencapaian' dalam target domain dan tingkah laku 'ketekunan' (Betz, 2004).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Bagi mengukur efikasi-kendiri keputusan kerjaya individu, Betz dan Taylor (1983) telah menyediakan *Career Decision Self- Efficacy* (CDSE) skala yang mengandungi 50 item. CDSE ini dibentuk berdasarkan integrasi dua teori iaitu teori efikasi-kendiri Bandura dan Teori Kematangan Kerjaya Cites (1978).

Efikasi-Kendiri, Jangkaan Hasil Dan Matlamat

Efikasi-kendiri merujuk kepada penilaian seseorang terhadap keupayaannya untuk mengatur dan melaksanakan tindakan yang dikehendaki untuk membolehkannya mencapai sesuatu prestasi (Bandura, 1986). Secara khususnya, mendapat efikasi-kendiri ialah asas untuk

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

menolong menentukan pilihan seseorang daripada aktiviti dan persekitaran, sebagai usaha seseorang dalam perbelanjaan, pencapaian, corak pemikiran dan reaksi emosi apabila berhadapan dengan rintangan.

Kepercayaan seseorang berkenaan hasil yang boleh didapati, tempoh menjangkakan sesuatu hasil, merupakan sebahagian kompenan lain yang penting dalam Teori Kognitif Sosial. Manakala kepercayaan efikasi-kendiri mempengaruhi tindakbalas seseorang berkenaan keupayaannya, serta jangkaan hasil meliputi imaginasi kesan daripada prestasi yang ditunjukkan dalam tingkah laku (Lentz. et.al 1994).

Matlamat mungkin boleh ditakrifkan sebagai keazaman untuk terlibat dalam aktiviti khusus atau yang memberi kesan kepada hasil akan datang (Bandura, 1986).Teori Kognitif Sosial mencadangkan hubungan saling berkait di antara sistem efikasi-kendiri, jangkaan hasil dan matlamat (Bandura, 1986). Terdapat hubungan yang mantap antara efikasi, jangkaan hasil dan membina matlamat dalam perkembangan minat kerjaya keseluruhannya.

Teori Kerjaya Kognitif Sosial mencadangkan minat kerjaya yang berterusan akhirnya membantu perkembangan dalam bidang yang mana seseorang mendapati dirinya berkebolehan dan bila mereka percaya bahawa pencapaian akan menghasilkan keputusan dan jangkaan yang diinginkan (Lent. et. al 1994). Sebaliknya seseorang akan melahirkan minat kerjaya yang rendah dalam bidang yang mana mereka menunjukkan hasil adalah negatif dan mereka mendapati skill dan aptitude adalah lemah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Faktor Kontektual: Sokongan dan Halangan

Lent. et.al (1994) mencadangkan perbezaan demografi dan individu (contohnya jantina, ras, etnik serta status sosioekonomi) mempengaruhi latar belakang dan kontektual dan seterusnya mempengaruhi pengalaman pembelajaran seseorang. Ia juga memainkan peranan dalam membentuk kepercayaan efikasi-kendiri, seterusnya jangkaan mengenai efikasi-kendiri berkaitan dengan jangkaan hasil yang dipamerkan oleh tingkah laku seseorang.

Lent. Brown dan Hackett (2000) mengenalpasti interaksi individu dengan orang lain dan banyak faktor yang mempengaruhi efikasi kendiri, jangkaan hasil dan matlamat. Pengalaman seseorang wujud hasil pelbagai peristiwa dan tindakan yang dilakukan. Lent. Brown dan Hackett (2000) menerangkan dua faktor asas berkenaan dengan konteks iaitu faktor berkenaan latar belakang dan berkenaan pengaruh proximal dalam memilih tingkah laku.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Faktor latar belakang merupakan sesuatu terjadi atau sesuatu berlaku pada seseorang yang mana individu itu memmuridi apa yang ada disekelilingnya, berinteraksi dengan budayanya dan jangkaan terhadap perasaan gender. Ia juga berkaitan dengan pembelajaran seseorang berkaitan dengan sosial dan kemahiran berkaitan akademik.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

(ii) Teori Pemilihan Kerjaya (Anne Roe, 1957)

Anne Roe (1957) memberi penekanan kepada peranan keluarga dalam menentukan kerjaya dan personaliti seseorang. Anne Roe dalam Brown dan Brook (1984) turut menyatakan bahawa ibu bapa menjadi asas kepada terbentuknya personaliti dan sikap termasuklah dalam membuat keputusan kerjaya sejak di peringkat awal usia anak. Kanak-kanak menganggap ibu bapa sebagai contoh penting dan akan menjadikan tingkah laku dan peranan ibu bapa sebagai tauladan dan model terbaik buat mereka. Anne Roe turut menyatakan bahawa gaya layanan dan hubungan dengan ibu bapa merupakan aspek penting dalam membantu individu menentukan pemilihan kerjaya di masa akan datang. Beliau turut telah mengenalpasti bahawa seseorang individu sebenarnya boleh dikategorikan kepada pelbagai jenis perwatakan dan pilihan kerjaya yang sesuai dengan personaliti seseorang. Oleh yang demikian, teori ini sangat menekankan ciri personaliti yang unik dalam setiap individu dan kebolehannya bekerja dengan baik mengikut jenis pekerjaan yang sesuai dan keduanya merupakan asas yang penting dalam mengaplikasikan teori ini.

Anne Roe (1957) menekankan bahawa zaman kanak-kanak merupakan faktor penting dalam mencapai kepuasan kerjaya yang dipilih. Teori ini telah memberi fokus bagaimana pola asuhan ibu bapa telah mempengaruhi keperluan anak-anak, dan bagaimana keperluan ini mempengaruhi gaya hidup dimasa akan datang. Anne Roe juga telah menggunakan pendekatan teori Maslow dalam menentukan hierarki keperluan manusia sebagai asas pembentukan teori ini. Keperlun individu berdasarkan Anne Roe sangat dipengaruhi oleh faktor kepuasan dan kekecewaan yang dialami ketika zaman kanak-kanak. Sebagai contoh, jika seseorang menginginkan pekerjaan yang melibatkan manusia (*person oriented*) ianya dipengaruhi oleh keperluan untuk mendapatkan kasih sayang dan suka diiktiraf sebagai anggota sesebuah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kelompok. Hal ini berbeza dengan mereka yang memilih pekerjaan yang tidak melibatkan manusia, mereka akan merasa lebih selesa dan sekiranya berada dikedudukan lebih rendah menyebabkan mereka merasa mencapai keperluan yang diinginkan.

Teori Anne Roe juga turut dikenali sebagai teori kerjaya berdasarkan pendekatan keperluan. Menurut Osipow (1983) teori ini mempunyai dua bahagian utama melibatkan manusia (*person centered*) dan tidak memusatkan manusia (*non-person oriented*).

Hierarki Pemilihan Kerjaya Abraham Maslow

Asas kepada teori Anne Roe adalah hierarki pemilihan kerjaya Abraham Maslow . Ini memberi gambaran bahawa keperluan individu sebenarnya memberi pengaruh yang sangat signifikan dalam pemiliha kerjaya individu berkenaan. Secara hierarki Maslow menyatakan bahawa terdapat lapan jenis dan peringkat keperluan individu dan digambarkan dengan menggunakan segi tiga piramid (paling luas merupakan keperluan paling asas sehingga keperluan yang paling sedikit). Berikut merupakan lapan keperluan mengikut hierarki Maslow:

1. Keperluaan fizikal (*physiologcal needs*)
2. Keperluan keselamatan (*safety needs*)
3. Keperluan kasih sayang dan dicintai (*Needs for belongingness and love*)
4. Keperluan penghargaan kendiri (*self esteem needs*)
5. Keperluan pengetahuan dan pemahaman (*Need and know understand*)
6. Keperluan estetika (*Aesthetic needs*)
7. Keperluan aktualisasi diri (*Self actualization*)
8. Keperluan hubungan dengan kuasa (*Transcendence*)

Setiap keperluan ini tidak dapat dicapai sekaligus dan mungkin langsung tidak dicapai.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Faktor Yang Mempengaruhi Pemilihan Kerjaya

Teori ini menyatakan bahawa terdapat tiga jenis faktor yang mempengaruhi pemilihan kerjaya seseorang. Faktor yang dinyatakan adalah latar belakang genetik, pengaruh tenaga psikik, dan faktor pengaruh genetik dengan hierarki keperluan.

Latar belakang genetik

Pengaruh latar belakang genetik memberikan kesan ke atas pembentukan personaliti, minat, sikap dan kecerdasan serta ciri peribadi seseorang. Pembentukan kesemua elemen dalam pengaruh genetik ini akan memberi kesan terhadap faktor pemiliha kerjaya. Faktor genetik ini juga mempengaruhi ciri fizikal seperti kecantikan, ketinggian dan kecacatan seseorang. Misalnya individu yang tidak mencapai ketinggian ditetapkan tidak boleh menjadi peragawan. Individu yang rabun warna pula tidak boleh menjadi tentera. Anne Roe juga percaya bahawa faktor genetik dan pewarisan mempengaruhi penentuan kerjaya seseorang.

Pengaruh tenaga psikik

Tenaga psikik akan mempengaruhi perkembangan dalaman seseorang sama ada ia berada di luar kawalan ataupun tanpa sedar. Arah perkembangan ini pula dipengaruhi oleh kekecewaan ataupun kepuasan yang dialami sejak dari zaman kanak-kanak. Ketika zaman kanak-kanak keperlun asas yang harus dipenuhi adalah perasaan dimiliki dan hal ini akan berterusan kekal sebagai elemen tidak sedar dalam diri. Keperluan tidak sedar inilah yang akan membentuk tenaga psikik dan seterusnya memberi impak terhadap pemilihan kerjaya seseorang.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pengaruh genetik dan hierarki keperluan

Pengaruh genetik dan hierarki keperluan sangat mempengaruhi pemilihan kerjaya seseorang. Lima keperluan seperti yang dinyatakan dalam hierarki keperluan sangat mempengaruhi seseorang individu. Lima keperluan yang perlu diambil berat ialah:

1. Keperluan psikologikal
2. Keselamatan
3. Kasih sayang dan rasa ingin dicintai
4. Penghargaan kendiri
5. Pencapaian kesempurnaan kendiri

Apabila keperluan pertama berjaya dipenuhi barulah keperluan seterusnya akan terbentuk dan terus berkembang hingga akhirnya mencapai keperluan tertinggi iaitu kesempurnaan kendiri. Mencapai keperluan merupakan satu sumber motivasi yang akan menggerakkan seseorang kearah mencipta kejayaan. Perkembangan motivasi individu dan pengaruh genetik akan memberikan impak dalam membezakan pencapaian kerjaya seseorang.

Andaian Asas Teori Pemilihan Kerjaya Anne Roe

Berdasarkan Brown dan Brook, (1984) menyatakan bahawa Anne Roe telah menekankan dan menggariskan lima pernyataan dan andaian asas yang amat penting dalam teori pemilihan kerjayanya. Andaian asas ini sebenarnya telah dihasilkan oleh Anne Roe berasaskan minat dan juga keperluan individu. Berikut merupakan kelima-lima keperluan andaian asas yang menjadi elemen penting dalam teori pemilihan kerjaya Anne Roe :

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1. Pewarisan genetik seseorang individu sebenarnya dapat menentukan had potensi dalam perkembangan semua karakteristik dan ciri-ciri yang terdapat dalam diri individu tetapi terdapat had perincian kawalan genetik serta sifat keterbatasan yang berbeza-beza berdasarkan ciri yang berlainan.

2. Darjah dan hala perkembangan ciri yang diwarisi adalah dipengaruhi oleh pengalaman yang dialami oleh diri individu tetapi juga oleh semua aspek latar belakang kebudayaan dan kedudukan sosioekoniomi sesebuah keluarga.

3. Corak ataupun *pattern* dalam perkembangan minat, sikap dan pemboleh ubah personaliti dalam diri individu adalah berbeza dengan kawalan genetik yang secara relatifnya agak kecil ataupun ianya tidak spesifik, pada asasnya ianya ditentukan oleh pengalaman seseorang individu itu sendiri.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4. Corak sesebuah tenaga psikik yang terjadi dari konteks segi pengurusan perhatian ialah penentu utama minat.

5. Kekuatan kesemua keperluan-keperluan ini, kepuasan mereka dan juga sesebuah organisasi mereka merupakan penentu utama darjah motivasi yang dinyatakan dalam sesebuah bentuk pencapaian.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Gaya Layanan Ibu Bapa

Anne Roe telah menggariskan tiga elemen penting dalam skop gaya layanan ibu bapa dalam sesebuah institusi kekeluargaan. Setiap individu ini berkencerungan untuk mewarisi dan boleh menyalurkan tenaga dalaman ke arah perkembangan kerjaya tertentu. Kecenderungan ini sebenarnya banyak dipengaruhi oleh gaya layanan yang diterima oleh anak-anak daripada ibu dan bapa mereka. Terdapat tiga elemen teknik asas gaya layanan ibu bapa semasa mereka berinteraksi dengan anak-anak mereka iaitu gaya layanan mesra, gaya layanan menumpu dan gaya layanan dingin.

Hipotesis Teori pemilihan kerjaya Anne Roe

Gaya layanan keibubapaan yang ditekankan oleh Anne Roe ini telah mengemukakan lima hipotesis awal yang cuba dihubungkait antara gaya asuhan dengan pembentukan orientasi dan seterusnya pemilihan kerjaya terhadap anak-anak. Berikut merupakan lima hipotesis yang telah digariskan oleh Anne Roe:

1. Ibu bapa yang bersifat melindungi, menuntut dan pengasih akan menghasilkan anak yang berkecenderungan ke arah berorientasikan manusia dan begitu juga dalam konteks pemilihan sesebuah pekerjaan.

2. Manakala ibu bapa yang menolak, mengabai dan terlalu bersahaja dalam memberikan didikan kepada anak-anak akan menghasilkan anak-anak yang berkecenderungan ke arah yang tidak mempunyai orientasi manusia dan dalam memilih sesuatu kerjaya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3. Anak–anak yang terlampau dituntut dan terlampau dilindungi berkemungkinan berada dalam konteks helah bela diri dan menjadi anak yang tidak berorientasikan manusia.

4. Sesetengah individu daripada sesebuah keluarga yang memfokuskan ibu bapa yang menolak iaitu mengabaikan dan mengelak memungkinkan anak-anak mereka akan memilih kerjaya yang lebih terdorong kepada manusia dalam usaha untuk mencari sebuah kepuasan.

5. Layanan dan asuhan yang cukup kepada anak-anak oleh ibu bapa yang mengamalkan gaya pengasih dan bersahaja di samping faktor lain seperti kebolehan individu mungkin menjadikan keperluan hubungan interpersonal lebih daripada sesebuah keperluan peribadi dalam diri anak-anak.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kesimpulan

Sesuatu bidang kerjaya sebenarnya memiliki teori dan model yang sesuai yang dipadankan dalam pembentukan sesebuah penyelidikan. Model dan teori pemilihan kerjaya Anne Roe ini merupakan sebuah teori yang banyak menekankan berkaitan dengan pendekatan dan pengaruh kekeluargaan. Elemen kekeluargaan merupakan asas dan elemen yang sangat penting untuk membentuk teori ini. Anne Roe banyak memberikan penekanan berkaitan dengan gaya asuhan ibu bapa yang memberikan kesan dan hubung kait dengan personaliti dan juga pemilihan kerjaya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Namun begitu kemajuan teori ini dilihat mempunyai kelemahan dan perlu diperbaiki . Hal ini kerana penggunaan dan pengaplikasian teori anne Roe ini terbatas dan hanya tertumpu dalam konteks kekeluargaan sahaja. Diharapkan pada masa akan datang teori ini dapat ditambah baik dan dapat memberikan sumbangan terhadap perkembangan dalam dunia pemilihan kerjaya.

1.10 Hipotesis Kajian

Pembentukan hipotesis dibuat berdasarkan kepada objektif kajian. Hipotesis ini juga dibuat untuk melihat perbezaan gaya asuhan ibu bapa (autoritarian, autoritatif dan permisif), kekerapan tingkah laku devian dan efikasi kendiri membuat keputusan kerjaya dalam kalangan murid tingkatan empat.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Ho1 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan gaya asuhan ibubapa (autoritarian, autoritatif dan permisif), tingkah laku devian dan efikasi kendiri membuat keputusan kerjaya berdasarkan dengan jantina dalam kalangan murid sekolah menengah:

(a) Tidak terdapat perbezaan signifikan antara gaya asuhan ibubapa berdasarkan jantina

i. Tidak terdapat perbezaan signifikan gaya asuhan autoritarian ibu bapa berdasarkan jantina dalam kalangan murid sekolah menegah
ii. Tidak terdapat perbezaan signifikan gaya asuhan autoritatif ibu bapa berdasarkan jantina dalam kalangan murid sekolah menengah
iii. Tidak terdapat perbezaan signifikan gaya asuhan permisif ibu bapa berdasarkan jantina dalam kalangan murid sekolah menengah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

(b) Tidak terdapat perbezaan signifikan tingkah laku devian berdasarkan jantina dalam kalangan murid sekolah menengah

(c) Tidak terdapat perbezaan signifikan efikasi kendiri membuat keputusan kerjaya berdasarkan jantina dalam kalangan murid sekolah menengah

Ho2 Tidak terdapat hubungan yang signifikan gaya asuhan ibu bapa dengan efikasi kendiri membuat keputusan kerjaya

(a) Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara gaya asuhan autoritarian dan efikasi kendiri membuat keputusan kerjaya

(b) Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara gaya asuhan autoritatif dan efikasi kendiri membuat keputusan kerjaya

(c) Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara gaya asuhan permisif dan efikasi kendiri membuat keputusan kerjaya

Ho3 Tidak terdapat hubungan antara gaya asuhan ibu bapa dan tingkah laku devian

(a) Tidak terdapat hubungan gaya asuhan autoritarian dan tingkah laku devian dalam kalangan murid sekolah menengah

(b) Tidak terdapat hubungan gaya asuhan autoritatif dan tingkah laku devian dalam kalangan murid sekolah menengah

(c) Tidak terdapat hubungan gaya asuhan permisif dan tingkah laku devian dalam kalangan murid sekolah menengah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Ho4 Tidak terdapat hubungan tingkah laku devian dengan efikasi kendiri membuat keputusan kerjaya

Ho5 Semua koefisien regresi bagi pemboleh ubah gaya asuhan ibu bapa autoritarian, autoritatif dan permisif serta tingkah laku devian adalah sifar bila disandarkan dengan efikasi kendiri membuat keputusan kerjaya dalam kalangan murid sekolah menengah

1.11 Limitasi kajian

Kajian ini dijalankan di 8 buah sekolah menengah harian tanpa asrama di Daerah Maran yang merupakan kawasan luar bandar dan rata-rata responden merupakan anak felda. Kajian ini hanya menumpukan murid yang berada ditingkatan empat tanpa mengambil kira faktor masalah tingkah laku disiplin murid dan mereka tinggal bersama ibu bapa atau penjaga. Oleh itu, dapatan kajian hanya merujuk kepada populasi yang dikaji. Pemboleh ubah yang digunakan dalam analisis bagi menjawab persoalan kajian adalah terhad kepada apa yang dinyatakan di dalam instrument kajian sahaja.

Selain itu, kajian ini merupakan kajian tinjauan dan kajian dijalankan sekali sahaja dalam tempoh tertentu. Responden menggunakan persepsi dan daya ingatan mereka tentang perkara yang dikaji. Kajian ini menggunakan soal selidik untuk mendapatkan data kajian. Oleh yang demikian, kejujuran dan keikhlasan responden dalam menjawab soal selidik amat diperlukan. Kesahan dan kebolehpercayaan kajian ini adalah sangat bergantung kepada kejujuran jawapan responden dalam memberikan jawapan yang tepat dan benar kepada soal

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

selidik yang diberikan. Responden juga diberi jaminan bahawa segala respon mereka dalam kajian ini adalah dirahsiakan.

1.12 Rumusan

Bab ini menerangkan dan membincangkan berkaitan asas seperti latar belakang kajian, permasalahan dan persoalan kajian disamping objektif pelaksanaan kajian. Bab ini turut membincangkan kerangka kajian yang akan digunakan sepanjang kajian dijalankan. Bab ini turut menyentuh kajian kepentingan kajian yang akan dilaksanakan serta definisi pemboleh ubah secara konsep dan operasional yang diguna pakai dalam kajian. Hipotesis kajian turut dibuat berdasarkan kajian lepas.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi
05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi